



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
**Senate**

**PARLIMEN SEVENTH**

**PENGGAL KETIGA**  
**Third Session**

---

**Jilid III**

**Bil. 4**

**Hari Khamis**

**30hb Mac 1989**

---

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agoog - Y.B. Pandikar Amin Haji Mulia**

**(Ruangan 36)**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat**

**(Ruangan 125)**



**MALAYSIA**

**DEWAH NEGARA**

**Khamis, 30hb Mac, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang pertama.

**PERMAINAN RAKYAT**

1. **Puan Law Jack Yoon [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperkenalkan kembali dan mempopularkan Permainan Rakyat sebagai salah satu umur tarikan dan penonjolan Kebudayaan Melayu di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

[**Tuan Abdul Raman bin Suliman**]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa mengambil langkah-langkah positif dalam usaha mengembalikan, mempopularkan dan mengenengahkan Permainan Rakyat sehingga ke peringkat antarabangsa. Dalam usaha menjadikan permainan rakyat sebagai salah satu unsur tarikan pelancong dan penonjolan Kebudayaan Melayu di negara ini, Kementerian telah menjadikan Permainan Rakyat sebagai acara tetap 'Malaysia Fest' pada setiap tahun.

Berbagai Permainan Rakyat sama ada berbentuk pameran demonstrasi atau pertandingan telah dijalankan. Di antaranya termasuklah Pameran dan Pertandingan Wau, Demonstrasi dan Pertandingan Sepak Raga Bulatan, Demonstrasi Silat dan juga Pertandingan dan Demonstrasi Permainan Tradisi Kanak-kanak seperti Ketinting, Ketinting Bulu Ayam, Congkak, Konda-kondi, Batu Seremban dan lain-lain lagi.

Usaha untuk mengetengahkan Permainan Rakyat ini telah berjaya dilaksanakan dengan lebih giat dengan kerjasama beberapa badan swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sama ada di hotel-hotel, di peringkat sekolah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Langkah memperkenalkan Permainan Rakyat sering dilaksanakan dengan mengenehkan Permainan Rakyat di dalam pesta-pesta seperti Malaysia Fest, Pesta Kesenian Negeri dan lain-lain.

Bagi promosi di peringkat antarabangsa, Kementerian sering menghantar rombongan kesenian rakyat untuk menyertai Festival Kesenian Rakyat atau Expo di negara-negara Barat dan Timur. Kementerian juga mengambil langkah-langkah promosi permainan rakyat melalui media cetak sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Kementerian ini juga memberi bantuan dari segi, khidmat dan kewangan kepada badan-badan budaya dalam usaha memulihkan dan mengembangkan Permainan Rakyat yang merupakan warisan bangsa Malaysia ini. Sehingga ke hari ini Permainan Rakyat telah mula diiktiraf oleh dunia dengan adanya pertandingan atau pesta-pesta seperti Pesta Wau Antarabangsa, Kejohanan Gasing Kebangsaan dan lain-lain.

**Puan Hajjah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan, di dalam usaha Kerajaan untuk memperkenalkan permainan rakyat ini, adakah juga dikaji kesesuaiannya dengan ajaran Islam?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana permainan ini adalah merupakan permainan rakyat dan sepanjang yang diketahui sebarang bentuk permainan yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

#### TAMAN NEGARA-PENSWASTAAN KEMUDAHAN PENGINAPAN

**2. Puan Noraini binti Haji Beluah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah benar pihak Kerajaan bercadang akan menswastakan tempat rekreasi dan penginapan di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; dan
- (b) jika benar, tidakkah ianya akan menjejaskan keaslian pusat pelancongan itu.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan

- (a) Sebenarnya Kerajaan cuma bercadang menswastakan kemudahan penginapan di Kuala Tahan sahaja kepada PERNAS OUB Sdn. Berhad untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan selesa kepada pelancong-pelancong.
- (b) Penswastaan ini tidak akan menjejaskan keaslian pusat pelancongan dan rekreasi di Taman Negara oleh kerana tugas-tugas penguatkuasaan, pengawasan dan pengurusan Taman Negara akan tetap dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN. Pihak swasta hanya akan mengurus kemudahan penginapan sahaja.

**KTM - SETINGGAN DI TEPI LANDASAN**

3. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah projek untuk memelihara kepentingan lebih kurang 200 ribu keluarga di tepi landasan keretapi apabila mereka dikehendaki keluar apabila KTM diswastakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada projek yang khusus untuk memindahkan setinggan yang menduduki tanah KTM. Walau bagaimanapun, KTM telah mengadakan perbincangan untuk mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan juga pemaju-pemaju perumahan untuk membantu memindahkan para setinggan di Lembah Kelang ke rumah-rumah kos rendah dan sederhana. KTM masih belum mengadakan rancangan seperti ini dengan negeri-negeri yang lain.

**PENDATANG HARAM - PROSES MEMULANGKAN**

4. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah perkembangan proses memulangkan pendatang-pendatang haram ke Malaysia selepas perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Soalan yang hampir-hampir sama seperti soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya pada 28hb Mac, 1989. Oleh kerana itu tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

**AKTIVITI PERJUDIAN**

**5. Tuau Lim Heng Tee** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan mesin slot (one-arm bandit) yang telah diimport ke dalam negeri kita dalam tempoh 10 tahun yang lepas; berapakah jumlah kosnya dan cukai yang telah dikutip darinya.

**30.3.89**

**45. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah sehingga 28hb Februari, 1989 lesen-lesen yang telah dikeluarkan untuk menjalankan kegiatan loteri dalam negara ini dan nama badan-badan atau pertubuhan yang menjalankan kegiatan loteri tersebut. Adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan lesen-lesen tersebut. Jika tidak, mengapa.

**31.3.89**

**1. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sejak Kerajaan mengeluarkan lesen untuk mesin slot, ramai belia-belie dan penuntut-pemintut sekolah melibatkan diri dengan perjudian tersebut, yang bukan saja boleh melalaikan kaum belia kita, bahkan ada kejadian kecurian dan ponteng sekolah berlaku kerananya; oleh itu adakah Kerajaan bercadang untuk menarik-balik lesen mesin slot ini.

**15. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah syarat-syarat ketat dikenakan kepada orang-orang Islam untuk menghindar mereka dari terjerumus dalam kegiatan judi-judi besar yang diluluskan operasinya oleh Kerajaan baru-baru ini:

- (a) benarkah apa yang dikatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra bahawa judi menambahkan pendapatan dan keuntungan negara. Jika benar, berapakah peratus keuntungan dijangka boleh tercapai tiap tahun; dan.
- (b) adakah orang Islam dibenarkan berkongai niaga dalam perniagaan judi-judi besar itu.

**54. Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah Kerajaan berasa bimbang dengan pengeluaran lesen perjudian begitu banyak dalam Negara ini seolah-olah mencerminkan Malaysia sebuah negara perjudian. Adakah Kerajaan bercadang mengharamkan semua jenis judi dalam negara ini, jika tidak kenapa. Adakah negara-negara Islam yang lain seperti negara-negara Arab mengeluarkan lesen judi di negara mereka. Jika ada bolehkah Kementerian menyatakan negara mana.

**3.4.89**

29. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan mengambilkira tentang kedudukan Loteri Kemajuan Masyarakat sebelum mengeluarkan lesen kepada Big Sweep. Siapakah pemegang saham Big Sweep.

**5.4.89**

6. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan di samping adanya loteri Kebajikan Masyarakat di negara kita maka ada satu loteri yang wujud yang dinamakan "BIG SWEEP":

- (a) bilakah masanya kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk lesen loteri "Big Sweep" ini;
- (b) siapakah tuannya syarikat "Big Sweep" ini. Adakah daripada negara kita atau dari luar negeri;
- (c) dengan adanya loteri "Big Sweep" ini, tidakkah ianya menjejaskan welfare yang sudah memberikan khidmat dan masyarakat kepada negara kita; dan
- (d) adakah Kelab Lumba Kuda dan Lembaga Totalisator memegang saham di dalam syarikat Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd. Jika ada, tidakkah mereka melanggar apa-apa syarat Akta-akta. Kelab.

36. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah jenis-jenis judi (baru) dibenarkan sedangkan negara patut mengurangkan perkara-perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mengenai aktiviti perjudian seperti mesin slot, loteri, 'Big Sweep' dan seumpamanya adalah dibangkitkan juga oleh tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu:-

- (i) Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya (yang dijadualkan dijawab pada 30hb Mac, 1989)
- (ii) Y.B. Puan Rokiah binti Zainuddin (yang dijadualkan dijawab pada 31hb Mac, 1989)

- (iii) Y.B. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih (pada 31hb.Mac,1989)
- (iv) Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (pada 31hb Mac, 1989)
- (v) Y.B. Tuan Dahalan bin Haji Embun (pada 3hb April, 1989)
- (vi) Y.B. Tuan Azman Atar bin Othman (pada 5hb April, 1989)
- (vii) Y.B. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh (pada 5hb. April, 1989)

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab ketujuh-tujuh pertanyaan ini secara serentak pada hari ini dan jawapannya adalah agak panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegiatan judi haram berleluasa di negara kita ini dan kegiatan judi haram ini menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial serta keselamatan dan oleh itu perlu dikawal. Tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen perjudian adalah untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan judi haram. Di samping itu lesen pengendalian mesin slot diluluskan kepada kelab-kelab syarikat dan pertubuhan adalah bertujuan sebagai menambahkan aktiviti kelab di samping ianya boleh menjadi punca pendapatan kelab bagi membiayai berbagai-bagai aktiviti sukan dan rekreasi kepada ahli-ahlinya. Setakat ini sebanyak 6,523 mesin slot telah diimport dari luar negeri dengan jumlah kosnya sebanyak \$28.63 juta. Jumlah cukai import dan cukai jualan yang dikutip darinya adalah sebanyak \$28.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan anjuran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan;
- (ii) Aktiviti Kasino anjuran Genting Berhad;
- (iii) Aktiviti Sports TOTO anjuran Sports TOTO Malaysia Berhad;
- (iv) Aktiviti Empat Nombor Ekor anjuran Magmun Corporation Berhad;
- (v) Aktiviti Pertaruhan Lumba Kuda (Off-Course Betting) anjuran Lembaga Totalisator Malaysia;
- (vi) Tiga Nombor Ekor anjuran Lembaga Totalisator Malaysia;
- (vii) Aktiviti 'Sweeps Cake' anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak;
- (viii) Aktiviti Pertaruhan Di Luar Gelanggang Lumba Kuda (Off-Course Betting) anjuran Ascot Sports Sdn. Bhd;
- (ix) Aktiviti Mesin Slot anjuran Kelab-kelab Syarikat dan Kelab-kelab Pertubuhan

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan hasil yang dikutip daripada aktiviti perjudian ini dalam tahun 1988 adalah berjumlah \$345.4 juta atau 1.6% daripada jumlah anggaran hasil negara bagi tahun berkenaan. Semua kutipan hasil yang dipungut daripada kegiatan perjudian tersebut dimasukkan ke dalam Kumpulan Hasil Yang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kesan-keaan buruk daripada kegiatan perjudian ini kepada masyarakat terutamanya bagi generasi muda. Dalam hubungan ini, sebagai langkah kawalan Kerajaan telah menetapkan syarat dan peraturan di dalam lesen perjudian seperti melarang sama sekali orang Islam, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah memasuki pusat-pusat perjudian. Di samping itu Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama rapat dengan pihak polis bagi memastikan syarat-syarat lesen perjudian dipatuhi sepenuhnya oleh pusat-pusat perjudian.

Pemberian lesen-lesen perjudian tersebut tidak akan membawa negara Malaysia kita ini menjadi sebuah negara perjudian. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada masa ini telah merangka garispanduan yang baru bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi. Dalam hubungan ini, Kerajaan ingin menegaskan bahawa lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan dan jika perlu kebanyakan lesen-lesen yang telah dikeluarkan akan ditarik-balik oleh Kerajaan. Kerajaan juga tidak akan meluluskan perantukan ejen-ejen baru kepada pihak-pihak yang sekarang ini menjadikan segala kegiatan tersebut.

Mengenai Ioteri 'Big Sweep' pula, 'Big Sweep' bukanlah merupakan satu bentuk Ioteri yang baru. Sebenarnya Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak telah mengadakan Ioteri 'Big Sweep' ini semenjak 1965 lagi. 'Big Sweep' adalah dianjurkan di bawah 'Racing Club (Public Sweepstake) Act, 1965 di mana Kelab Lumba Kuda boleh menganjurkan 'Big Sweep' berdasarkan kepada perlumbaan kuda. Adalah difahamkan bahawa Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Perak dan Pulau Pinang telah melantik Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd., sebagai ejen untuk menganjurkan 'Big Sweep'. Walau bagaimanapun, Kementerian

Kewangan akan mengambil tindakan bagi mengawal kegiatan loteri ini dengan cara mengurangkan bilangan cabutan dan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan berhubung dengan pemegang saham dan tuannya syarikat, 'Big Sweep' tersebut; sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak ada kepentingan di dalam syarikat Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd. dan oleh sebab itu Kementerian Kewangan tidak ada maklumat mengenai syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat terhadap masalah perjudian ini. Kerajaan memang memandang berat terhadap masalah perjudian ini. Seperti yang telah saya umumkan pada 7hb. Mac, 1989, Kerajaan akan mengambil beberapa tindakan tegas untuk mengawal kegiatan perjudian. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) Lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan;
- (ii) Syarat-syarat pengendalian mesin slot sedang diperketatkan dan kira-kira 70% daripada lesen-lesen mesin slot yang dikeluarkan akan ditarik balik;
- (iii) Kerajaan tidak akan meluluskan sebarang premis baru sebagai pusat pertaruhan untuk Syarikat Ascot Sports;
- (iv) Tindakan sedang diambil untuk mengawal kegiatan loteri Big Sweep.
- (v) Kerajaan tidak akan meluluskan perlantikan ejen-ejen baru kepada pihak yang sekarang ini menjalankan segala kegiatan perjudian.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Soalan satu saya belum dapat jawapan dari Menteri yang berkenaan. Saya bertanya adakah penglibatan oleh orang-orang Melayu sama ada perkongsian dengan sebuah syarikat itu ataupun syarikat individu membuat permohonan lesen menjalankan perniagaan ataupun perniagaan judi ini.

Selain daripada satu soalan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak Kementerian berkenaan juga adakan satu tegahan kepada orang-orang Islam supaya dia tidak masuk kelab-kelab seperti ini di mana "jackpot" ataupun alat machine ini digunakan untuk satu permainan ataupun perjudian yang mempunyai satu penarikan yang besar. Di kasino, kita melarang tetapi di kelab-kelab kononnya kelab-kelab aktiviti menjalankan aktiviti sukan. Ini berbohong. Ini kelab-kelab perjudian. Jadi, maka saya syorkan kepada Menteri berkenaan keluaran arahan sepertimana yang dikeluarkan oleh kasino supaya orang-orang Islam, biarpun dia 18 tahun ke bawah atau atas, jangan masuk terus.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian yang pertama, jawapannya ialah ada.

Pada bahagian yang kedua, cadangan ini adalah cadangan yang dianggap baik dan mungkin Kerajaan akan memberi perhatian.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soal tambahan. Saya rasa soalan tambahan gaya tidak lari daripada soalan asal oleh kerana Timbalan Menteri juga menjawab soalan saya patut diadakan pada 5hb April sekali gus.

Mengenai masalah Loteri Bigsweep, sedar atau tidak Timbalan Menteri bahawa kita telahpun mempunyai satu loteri yang telah diwujudkan oleh Kerajaan sekian lama iaitu Loteri Kebajikan Masyarakat. Dengan adanya Loteri Bigsweep ini sebanyak sedikit mengurangkan penjualan tiket Loteri Kebajikan Masyarakat dan ini akan menjejaskan Kementerian Kebajikan Masyarakat daripada penjualan loteri yang dipunyai sekian lama. Setahu saya Bigsweep ini walaupun dikelolakan oleh Race Course antara Selangor, Ipoh dan Pulau Pinang hanya dibenarkan kepada, ahli-ahlinya sahaja. Kenapa perkara ini boleh dilakukan dengan seluas-luasnya sehingga menjadi untuk keseluruhan masyarakat di dalam negara dan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah masanya Timbalan Menteri Kewangan untuk mengatasi masalah ini, tadi saya dengar Timbalan Menteri berjanji supaya mengurangkan cabutan Bigsweep, dan bilakah tarikhnya supaya Welfare Lottery iaitu Loteri Kebajikan Masyarakat kita terjejas? Kalau tidak, kita swastakan sahaja Loteri Kebajikan Masyarakat itu daripada meghadapi kerugian.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang saya berikan tadi, saya telah terangkan bahawa ini telah mencerminkan bahawa Kementerian Kewangan sedar tentang kerugian yang dihadapi oleh Loteri Kebajikan Masyarakat yang disebabkan oleh Loteri Bigsweep yang dipasarkan baru-baru ini, Oleh kerana lesen untuk memasarkan Loteri Bigsweep adalah lesen yang dikeluarkan beberapa tahun yang lalu dan apabila lesen itu dikeluarkan ada beberapa syarat-syarat dikenakan dan di antara satu syarat yang ada di dalam lesen itu ialah pihak yang berkenaan bukan sahaja diberi kelulusan berdasarkan Loteri Bigsweep itu kepada ahli-ahli kelab sahaja tetapi juga kepada orang-orang yang bukan ahli kelab. Tetapi sampai hari ini nampaknya pihak yang berkenaan tidak menganjurkan satu kempen yang benar untuk memasarkan Loteri Bigsweep. Walau bagaimanapun, baru-baru ini apabila pihak yang berkenaan diswastakan atau agensi diberi kepada satu pihak syarikat yang private itu, dengan izin, pihak Loteri Kebajikan Masyarakat menghadapi masalah dan kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya telah terangkan tadi bahawa Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan bagi mengawal kegiatan loteri yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi supaya bilangan cabutan Loteri Bigsweep dapat dikurangkan kepada satu tahap yang munasabah. Pada ketika ini saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tentang bilakah bilangan cabutan itu dapat dikurangkan kepada satu tahap yang munasabah, saya cuma memberitahu bahawa negotiation, dengan izin, masih dijalankan supaya kerugian yang dihadapi oleh Loteri Kebajikan Masyarakat tidak akan jadi begitu besar.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahah. Kalau Kerajaan atau Kementerian Kewangan mengharamkan semuanya jenis judi dan tidak mendapat walaupun satu sen faedah daripada duit judi, adakah mengikut pandangan Kementerian Kewangan membawa kepada gejala yang amat besar kepada negara yang menyebabkan negara kita ini menjadi bankrap atau tidak dapat menjalankan tugasnya?

Kalaulah perkara ini iaitu negara dapat menjalankan tugas detigan sempurna tanpa wang yang hasil daripada perjudian ini, adakah tidak pihak Kementerian Kewangan memikirkan kerosakan warganegara Malaysia ini yang membawa kepada kehancuran kemudian nanti lebih untung daripada mendapat faedah kewangan yang ada sekarang ataupun lebih rugi? Itu soalan saya.

**Tuan Loke Yuen Yow:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, garu kepala [Ketawa].

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau Kerajaan mengharamkan semua aktiviti-aktiviti perjudian di dalam negara kita ini, negara kita tidak akan jadi bankrap walaupun daripada angka-angka yang saya berikan tadi pada tahun 1988 sejumlah \$345.4 juta ataupun 1.6% daripada jumlah anggaran hasil negara bagi tahun ini adalah hasil daripada kutipan cukai perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu kita harus memahami bahawa adalah sifat manusia yang semula jadi bahawa ada sebahagian manusia suka berjudi dan walaupun semua aktiviti-aktiviti perjudian di dalam negara kita ini diharamkan, masih ada sebahagian besar rakyat

berjudi secara haram. Jadi, daripada segi Kerajaan oleh kerana negara kita ini mengamalkan sistem demokrasi, apabila Kerajaan tahu bahawa dengan mengharamkan semua aktiviti perjudian tidak dapat menghapuskan aktiviti perjudian jadi Kerajaan mengambil tindakan untuk memberi lesen kepada sesuatu pihak supaya daripada aktiviti-aktiviti ini Kerajaan pun dapat mengutip cukai seperti apa yang saya katakan tadi kerana semua cukai ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan daripada sana wang yang Kerajaan dapat kutip itu akan digunakan untuk tujuan yang baik, yang memerlukan wang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi soalan tambahan? Tajuk ini sedikit hangat [**Ketawa**]. Terima kasih.

#### PENCEMARAN SISA KIMIA

6. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar oleh bahan-bahan sisa kimia yang merbahaya, yang dikeluarkan oleh kilang-kilang perindustrian.

#### 4.4.89

10. **Puan Yalli Muthusamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan-tindakan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berlakunya peristiwa seperti kebocoran gas amonia di Tangga Batu, Melaka.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin supaya menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy untuk 4hb April, 1989 tianti oleh kerana kedua-dua soalan ini menyentuh hal yang sama.

Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan satu kajian mengenai buangan toksik dan berbahaya pada tahun 1985 sehingga 1987. Lebih kurang 1,000 buah kilang di Malaysia telah dikenalpasti dan dilawatsiasat. Kilang-kilang tersebut telah didapati mengeluarkan sebanyak lebih 380,000 meter padu bahan buangan berbahaya setahun. Negeri-negeri Pulau Pinang, Selangor Darul Ehsan dan Johor Darul Takzim didapati mengeluarkan 60% daripada jumlah kuantiti tersebut. Sejauh pengetahuan saya, Universiti Teknologi Malaysia tidak pernah menjalankan kajian sedemikian.

Kilang-kilang besar di negara ini kebanyakannya mempunyai kemudahan untuk mengolah buangan masing-masing. Kerajaan berhasrat menubuhkan kemudahan pengolahan pusat bagi mengolah buangan-buangan dari kilang-kilang lain yang tidak mempunyai sebarang kemudahan sendiri untuk mengolah buangannya. Kerajaan juga bercadang supaya pembinaan dan pengurusan kemudahan ini dilaksanakan secara swasta.

Pada masa ini Kerajaan sedang berusaha dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapatkan tapak-tapak sesuai untuk melupuskan buangan-buangan yang telah diolah. Pembinaan dan pengurusan tapak-tapak pelupusan juga dirancang dilakukan melalui pengswastan.

Di samping itu, pihak Kementerian juga menyediakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengawal pelupusan buangan toksik dan berbahaya.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin Yang Berhormat dapat menjelaskan, apakah Kementerian mengeluarkan pampasan kepada penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan pembuangan sisa-sisa kilang ini yang boleh mencemarkan udara, mencemarkan air dan membunuh ikan-ikan yang ditangkap oleh penduduk tempatan di situ? Ini saya rasa banyak terdapat di rancangan-rancangan FELDA yang dahulu membina kilang-kilang di kawasan perkampungan?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar masalah yang timbul dari pembuangan sisa-sisa dari perindustrian.

Mengenai pampasan atau gantirugi akibat dari buangan-buangan ini, di bawah undang-undang yang ada di Kementerian saya, belum ada peruntukan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian hanya mengendalikan satu kejadian pencemaran di pantai laut ini sebagai orang tengah di antara kapal yang terlibat dan nelayan-nelayan akibat dari pencemaran minyak di laut itu. Di dalam hal ini, Kementerian saya akan menimbangkan perkara atau syor dari Ahli Yang Berhormat Senator itu.

#### TANDA HARGA BARANG JUALAN

7. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa ramaikah jumlah bilangan peniaga-peniaga yang telah ditangkap atau kena denda kerana kesalahan tidak meletak tanda harga pada barang-barang jualan kedai mereka sebagaimana dikehendaki dari tahun 1987 hingga 28hb Februari, 1989.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian [**Tuan M.G. Pandithan**]: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1973 mewajibkan para peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dipamerkan untuk jualan. Di bawah undang-undang ini, 111 jenis barangan yang merangkumi 45 jenis barang-barang makanan, 44 jenis barang-barang bukan makanan dan 22 jenis barang-barang alat ganti kenderaan motor diwajibkan diletakkan tanda harga. Bilangan peniaga yang telah diambil tindakan, jumlah nilai barang-barang rampasan dan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah kerana kesalahan tidak meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dipamerkan untuk jualan bagi tempoh 1987 hingga 28hb Februari, 1989 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan kes</b>	<b>Nilai rampasan</b>	<b>Denda dikenakan</b>
1987	106	\$124,646.83	\$105,980
1988	244	\$162,480.33	\$156,190
1989(Jan-Feb)	204	\$74,623.82	\$29,230

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah sebab-sebabnya peniaga-peniaga itu tidak meletak tanda harga pada barang-barang jualannya dan yang kedua, adakah peniaga-peniaga itu terus didenda pada kali yang pertama mereka ditangkap melakukan kesalahan itu?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa mereka tidak mempamerkan tanda harga, ini terpulang kepada peniaga-peniaga mengapa mereka tidak buat demikian, walaupun mereka menyedari itu satu kesalahan dan melanggar perundangan. Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat mengulangi?

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, adakah peniaga-peniaga itu terus didenda pada kali yang pertama mereka ditangkap melakukan kesalahan itu?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa dialog, Kementerian kita memberitahu pada mereka apakah kesalahannya. Kalau mereka melanggar perundangan seterusnya mereka dihadapkan kepada mahkamah dan terpulanglah kepada mahkamah untuk menden-dakan ataupun melepaskan mereka.

## CONTENGAN WANG KERTAS MALAYSIA

8. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) apakah kriteria atau penentuan yang digunakan untuk memastikan sama ada sesuatu keping wang kertas Malaysia tidak mempunyai nilai lagi;
  - (b) setakat Disember 1988, berapa jumlah wang ringgit yang diserahkan balik kepada Bank Negara sebagai wang kertas yang rosak; dan
  - (c) sama-ada tempoh masa diberi kepada orang ramai untuk mengembalikan wang kertas yang dianggap rosak.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]**

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Contengan ke atas wang kertas Malaysia dikelaskan kepada dua kategori. Pertama, contengan yang serius dan kedua contengan yang tidak serius. Hanya wang kertas dengan kesan contengan yang serius dianggap tidak mempunyai nilai mukanya. Ini termasuklah wang kertas yang mempunyai lakaran ataupun lukisan pada potret Yang di-Pertuan Agong, tulisan-tulisan yang berbentuk hasutan atau slogan politik dan wang kertas yang digunakan sebagai kad jemputan. Wang kertas ini hanya boleh dirujuk kepada Bank Negara untuk dibuat penilaian ke atasnya.
- (b) Sejak peraturan wang conteng diumumkan pada 10hb Ogos 1988 hingga 31hb Disember 1988, sebanyak 69,559 keping wang kertas yang bernilai sebanyak \$1.9 juta telah dikembalikan kepada Bank Negara Malaysia. Lebih separuh daripada bilangan wang kertas ini adalah terdiri daripada wang kertas satu ringgit.

- (c) Tempoh masa yang munasabah telah diberi kepada orang ramai untuk menukar wang conteng yang ada dalam simpanan mereka. Wang kertas yang tidak mempunyai contengan-contengan yang serius masih boleh ditukarkan pada bila-bila masa di mana-mana bank perdagangan ataupun syarikat kewangan. atau di cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia bagi mendapatkan wang kertas baru yang sama nilainya.

#### JALANRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON

9. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian Kerjaraya bercadang untuk membesarkan dan membaiki jalanraya antara Seremban dan Port Dickson, memadangkan tahun 1990 merupakan tahun melawat Malaysia dan Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus bercadang menjadikan kawasan Port Dickson sebagai kawasan pelancongan yang termuka. Keadaan menjadi lebih rumit apabila terdapat banyak trak-trak dan kereta-kereta kebal dari Angkatan Tentera serta kenderaan berat dari kilang penapis minyak yang menggunakan jalanraya ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kemeaterian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya. Kementerian Kerjaraya sememangnya bercadang untuk membesarkan jalanraya dari Seremban ke Port Dickson kepada jalanraya empat lorong dua hala.

Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan kewangan pada masa ini belum lagi mengizinkan, maka Kerajaan belumlah lagi dapat melaksanakan projek tersebut.

Kerja-kerja pembaikan sememangnya dilaksanakan di jalanraya tersebut dari semasa ke semasa mengikut keperluannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga bercadang untuk menswastakan jalan tersebut dan pihak swasta yang berminat bolehlah mengemukakan cadangan mereka untuk pertimbangan Kerajaan.

#### UNDANG-UNDANG SAMSU HARAM - PENALTI DIKENAKAN

10. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Rang Undang-undang Samsu Haram (Pindaan 1988) telah mengawal pembuatan dan pengedaran samsu haram di negara ini, semenjak ianya dilaksanakan baru-baru ini; dan
- (b) berapakah bilangan kes yang telah disoal siasat dan dikenakan hukuman setakat ini selepas pelaksanaan Rang Undang-undang Samsu Haram (Pindaan 1988).

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembaharuan Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 telah berkuatkuasa mulai 8hb September, 1988. Secara amnya pindaan ini dibuat ialah untuk menaikkan penalti yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan mengilang, memperdagang dan memiliki samsu gelap. Memandangkan Akta ini baru sahaja dikuatkuasakan, adalah susah untuk menyatakan secara tegas tentang kesannya terhadap pembuatan dan pengedaran samsu gelap. Walau bagaimanapun, kenaikan penalti yang diperuntukkan di bawah Akta ini dijangka akan lebih menakutkan mana-mana pihak untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pembuatan dan pengedaran samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan bilangan kes samsu gelap pula, suka saya memaklumkan bahawa dari bulan Oktober 1988 hingga sekarang sebanyak 3 kes samsu gelap telah disiasat oleh Jabatan Kastam Dan Eksais Di Raja. Dalam siasatan ini pihak Kastam hanya dapat merampas samsu gelap yang dijumpai, tetapi tidak ada orang yang ditangkap,

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya baru dapat mendengar daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai kenaikan hukuman kepada pihak bersalah di bawah Akta baru ini saya minta beliau memberitahu dengan lebih terperinci lagi terhadap berbagai hukuman yang lebih berat yang dijatuhkan kepada pihak yang didapati bersalah demi kepentingan kita semua.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 telah dibentang di Parlimen ini oleh Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1988 dan Akta ini telah diwartakan pada 8hb September, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta ini kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang dan menggunakan premis untuk aktiviti samsu gelap dan memiliki alat mengilang samsu gelap adalah dinaikkan penaltinya iaitu dari tempoh penjara mandatori antara 2-5 tahun kepada tempoh penjara mandatori 4-10 tahun dan sekiranya kesalahan tersebut melibatkan samsu gelap yang mengandungi bahan berbahaya hukuman mandatori penjara dinaikkan dari 4-10 tahun kepada 7-20 tahun dan hukuman sebat pula tidak kurang daripada 6 kali.

## MESYUARAT KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL - PERSIAPAN

11. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat mana persiapan Kerajaan untuk menentukan Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Malaysia pada tahun ini berjalan lancar dan sempurna.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) akan berlangsung pada 18hb hingga 24hb Oktober, 1989. Sebagai tuanrumah, Kerajaan Malaysia tentulah membuat segala persiapan yang lengkap bagi menjamin kejayaan Mesyuarat itu.

Persiapan bagi Mesyuarat ini sedang berjalan dengan licin dan lancar. Persiapan-persiapan ini diselenggarakan oleh Jawatankuasa Perancang Kebangsaan yang mengandungi 12 Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil, diketuai oleh Menteri Luar Negeri dan merangkumi semua aspek Mesyuarat, termasuk tempat perhentian (retreat) yang telahpun ditetapkan di Langkawi di mana Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan ber-kunjung pada 20hb hingga 22hb Oktober, 1989.

Sebuah urusetia CHOGM telahpun ditubuhkan pada awal tahun 1988 di Wisma Putra untuk menyelaraskan semua kerja-kerja persiapan mesyuarat ini.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah jumlah wang perbelanjaan yang diperlukan oleh CHOGM itu?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka yang terperinci. Walau bagaimanapun, saya minta notis untuk menjawab soalan ini.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah rancangan khas yang diatur untuk isteri-isteri Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang akan bersidang dalam bulan Oktober nanti, jika ada apakah rancangan tersebut.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada tetapi terlalu banyak untuk mungkin disenaraikan. Saya minta notis untuk menjawab soalan ini.

#### PENAGIH DADAH AKIBAT PENGANGGURAN - LANGKAH MENGATASI

12. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan menyedari, ataupun benar kerana ramainya penagih dadah terdiri dari lelaki berpunca dari pengangguran:

- (a) kerana pekerja di industri ramai pekerja wanita (industri ringan);
- (b) kerana pekerja di ladang-ladang kebanyakannya buruh dari luar negeri; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa untuk mengatakan bahawa ramai penagih dadah lelaki adalah berpunca dari pengangguran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data-data awalan Pasukan Petugas Anti-Dadah Majlis Keselamatan Negara menunjukkan bahawa purata peratusan penagih dadah yang terdiri dari penganggur dari tahun 1970 sehingga November, 1988 hanyalah 28.7% sahaja, manakala selebihnya adalah penagih yang mempunyai pekerjaan. Keadaan yang sama masih berlaku dalam tahun 1988 di mana hanya 20.5% sahaja penagih adalah penganggur.

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa sebenarnya kebanyakan penagih pada awalnya mempunyai pekerjaan tetapi setelah tabiat menagihnya dikenalpasti oleh pihak majikan mereka diberhentikan atau diambil tindakan tatatertib.

**KURSUS SIVIK - DASAR KERAJAAN**

**13. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Penerangan menyatakan setakat manakah kursus sivik memberi menafaat kepada rakyat kerana masih lagi terdapat kebanyakan orang di luar bandar tidak sedar tentang dasar-dasar Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumbalas yang didapati oleh Kementerian ini dari rakyat di luar bandar, kursus-kursus sivik yang diadakan memanglah dapat memberikan manfaat kepada mereka dari segi memahami cara-cara pentadbiran negara, dasar-dasar Kerajaan yang dilaksanakan dan juga memahami masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Masalah yang timbul bukanlah dari segi bentuk dan kandungan kursus-kursus itu tetapi sebanyak mana kursus-kursus ini dapat diadakan di seluruh pelusuk tanahair, khususnya di luar bandar yang terpencil.

Pada masa ini, Jabatan Penerangan hanya dapat mengadakan sebanyak 5,085 kursus sivik di merata-rata tempat di tanahair dalam satu tahun. Ternyata bahawa ini tidak dapat mencakupi seluruh penduduk di kawasan luar bandar dan masih banyak yang belum dapat menghadiri kursus-kursus ini atau hanya dapat menghadiri kursus-kursus tersebut sekali dalam beberapa tahun.

Jabatan Penerangan sedang berusaha untuk memperbanyakkan atau meluaskan penyertaan kursus-kursus tersebut supaya semua golongan masyarakat luar bandar berpeluang untuk menghidirinya.

Dalam hal ini, usaha Kerajaan khususnya Jabatan Penerangan adalah dibataskan oleh peruntukan yang terhad. Jabatan Penerangan bersedia untuk mengadakan kursus-kursus yang lebih banyak jika peruntukan yang besar boleh diberikan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian Penerangan mengadakan kursus-kursus kepada orang-orang di pedalaman mengenai dengan macam mana cara mahu tanda undi, kerana pada masa yang lalu pengalaman kita dapati banyak undi-undi yang rosak kerana orang-orang di pedalaman tidak faham macam mana cara mengundi. Bolehkah Kementerian Penerangan mengadakan kursus-kursus untuk pelajaran atau mengajar kepada orang-orang di pedalaman?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kursus-kursus yang seumpama ini kita adakan dari semasa ke semasa khususnya ketika menghadapi isu-isu ataupun perkara-perkara yang akan dilaksanakan oleh negara seperti mengadakan pilihanraya dan sebagainya. Kursus-kursus dalam bentuk mengajar ataupun mengajak orang ramai keluar apabila tiba waktu mengundi memang diadakan tetapi kita tidak dapat elakkan kalau sekiranya ada beberapa orang yang masih tidak dapat mengundi dengan betul, kadang-kadang bukan tidak dapat mengundi, kadang-kadang memang sengaja untuk merosakkan kertas undi itu.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa jeniskah kursus sivik yang disediakan oleh Kementerian Penerangan? Apa yang saya tahu setakat ini tumpuan hanya kepada luar-luar bandar, kepada orang kampung. Apakah ada satu program sivik untuk golongan cerdik pandai yang rasanya inilah yang lebih cerewet yang banyak mempersoalkan dasar-dasar Kerajaan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kursus sivik yang kita adakan mempunyai pelbagai jenis di bawah pelbagai nama. Tetapi pada umumnya untuk meningkat kesedaran sivik rakyat. Jenis-jenis itu atau nama tersebut untuk disenaraikan di *sini* memang banyak sangat, dia mengikut Kesesuaian tempat dan kesesuaian golongan yang menjadi tumpuan kursus yang kita adakan itu dan kursus ini bukan sahaja semata-mata kursus atau tertumpu kepada rakyat di luar bandar tetapi juga kepada golongan-golongan cerdik pandai juga di kalangan atau golongan-golongan berada di dalam bandar yang kita panggil golongan elit.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, pernah tidak Kementerian Penerangan ini bekerjasama dengan Majlis-majlis Agama diperingkat negeri-negeri mengadakan kursus nikah kahwin terutama kepada anak-anak muda yang belum berkahwin?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kursus-kursus yang kita lakukan ini memang ada bentuk yang kita ada disempurnakan oleh Jabatan Penerangan sendiri dan banyaknya dilakukan dengan kerjasama badan-badan atau agensi-agensi yang lain juga termasuk Jabatan-jabatan Agama.

Tentang tajuk kursus seperti yang disebutkan Ahli Yang Berhormat baru sekejap tadi kursus kahwin dan sebagainya itu, kita melihat kepada tuntutan, kehendak tempatan dan masyarakat di tempat itu. Dia bergantunglah kepada tuntutan masyarakat yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-14.

#### PERUMAHAN TERBENGKALAI

14. **Puan Ainon binti Ariffin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil terhadap pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek mereka; dan
- (b) berapakah jumlah rancangan perumahan di seluruh negara yang gagal melaksanakan projek mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Unit Penguatkuasa Perumahan sekarang ini sedang masih belum selesai tetapi sedang menyenarai dan mengkaji

dengan seadilnya untuk meletakkan mana-mana pemaju perumahan ataupun ahli-ahli lembaga pengarah yang terlibat dengan rumah-rumah yang terbengkalai ini ke dalam satu senarai hitam. Apakala mereka diletakkan dalam satu senarai hitam, terutama mereka tidak akan diizinkan lagi untuk melaksanakan sebarang usaha memajukan perumahan selagi perumahan yang terbengkalai tidak disiapkan.

Setakat ini kita telah mengenal pasti ada sebanyak 243 projek rumah yang terbengkalai di seluruh tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka lebih mendetailkan sedikit untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, daripada 243 projek yang terbengkalai ini mempunyai sebanyak 51,711 unit rumah dan melibatkan pembeli sebanyak 33,566 orang dan dianggarkan perbelanjaan \$3.3189 billion.

Projek-projek ini sebelum dipulihkan tetapi baru dikenal pasti untuk dipulihkan baru dikenal pasti sebanyak 30 projek; kajian awal sebanyak 56 projek; kajian kemungkinan kewangan dan teknikal sebanyak 40 projek; dan sedia untuk dipulihkan sebanyak 26 projek.

Manakala projek-projek yang sudah dipulihkan sebanyak 31 projek, rumah yang telah dipulihkan siap sebelum daripada dapat sijil duduk sebanyak 8 dan siap dan telah dapat sijil duduk sebanyak 38.

**Puan Aion binti Ariffin:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dari Timbalan Menteri selain daripada menyenarai hitamkan pemaju-pemaju perumahan berkenaan, tidakkah ada tindakan yang lebih berkesan boleh diambil kerana daripada angka

disebutkan tadi nyatalah pemaju-pemaju rumah ini telah menganiaya beribu-ribu orang yang termasuk di antaranya mungkin mereka yang berpendapatan rendah yang tidak ada daya-upaya lain untuk membeli rumah-rumah yang lain apabila projek mereka terbengkalai. Kerana kita faham ada setengahnya sudah berlarutan sehingga sampai **ber-**belas-belas tahun.

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab berapa panjang tadi, ingat tidak ada tambah. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah berulang kali saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa bagi pihak Kementerian terpaksa melakukan tindakan untuk mempertimbangkan dua matlamat yang dikehendaki, pertama untuk mencapai matlamat supaya semua rakyat mendapat rumah; kedua, untuk memperkembangkan industri perumahan.

Oleh yang demikian, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sering mengambil tindakan apakala didapati ada rancangan-rancangan seperti ini sering pihak Kementerian menjemput pembeli-pembeli untuk diketemukan dengan pemaju. Adakalanya bagi pihak Kementerian bahkan saya sendiri pernah menjemput pemaju-pemaju berunding, memberi nasihat dan minta pertolongan daripada pihak agensi-agensi Kerajaan, institusi kewangan supaya rancangan itu dapat dipulihkan. Tetapi ada juga apakala menghadapi sesuatu kebuntuan pihak Kementerian meminta dan menasihati kepada pembeli-pembeli supaya menubuhkan Persatuan Pembeli untuk berunding atas nama persatuan dengan pihak pemaju. Jika itu juga tidak dapat

satu penyelesaian, kita nasihatkan kepada pembeli melalui Persatuan Pembeli supaya meminta perintah daripada mahkamah. Itulah kesungguhan bagi pihak Kerajaan untuk mencapai kedua-dua matlamat ini.

#### LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA KE MALAYSIA

15. **Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Luar Negeri menyatakan iaitu berkaitan dengan lawatan Timbalan Perdana Menteri Singapura ke Malaysia Januari yang lalu, apakah hasil lawatan beliau kepada Malaysia:

- (a) setakat mana kerjasamanya dengan Malaysia dalam hubungan ekonomi dan kestabilan di rantau ini; dan
- (b) benarkah Malaysia dan Singapura mengadakan Latihan Tentera Bersama, apakah tujuannya dan bila latihan itu dijalankan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri Pertama Singapura, Encik Goh Chok Tong ke Malaysia bulan Januari lalu dilakukan di dalam konteks pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua buah negara di dalam usaha untuk mengujudkan persefahaman di kalangan pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara dan sekali gus merapatkan hubungan dua hala.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura adalah rapat dan saling bergantung di antara satu dengan lain. Hubungan dari segi ekonomi dan perdagangan sentiasa berjalan dengan baik. Dari segi hubungan dagangan, Singapura merupakan negara ketiga terpenting dan sejumlah 16.7% dagangan Malaysia dengan negara asing adalah dengan negara Singapura.

Singapura juga bekerjasama menjamin kestabilan di rantau ini. Keanggotaannya di dalam Peraturan Pertahanan Lima Negara, iaitu Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan Britain, menjamin peranan dan tanggungjawab Singapura terhadap kestabilan serantau.

Latihan bersama tentera darat, udara dan laut di antara Malaysia dan Singapura serta negara-negara anggota yang lain di dalam siri LANDEX, ADEX dan STARFISH merupakan latihan yang berterusan di bawah peraturan tersebut.

Selain daripada latihan bersama di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara, Malaysia dan Singapura juga mempunyai kerjasama dua hala di bidang mencari dan menyelamatkan atau 'search and rescue' dengan izin. Semasa lawatan Encik Goh pada bulan Januari lalu, pihak Malaysia dan Singapura telah bersetuju pada dasarnya untuk mengadakan latihan bersama antara kedua-dua Angkatan Tentera Darat di Sabah dan juga di Singapura. Ia bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan dan kerjasama di antara kedua-dua Angkatan Tentera Darat, Malaysia dan Singapura.

#### **PENJENAYAH DITEMBAK MATI**

16. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) berapa orang telah ditembak mati oleh pihak polis dalam tahun 1987 dan 1988 kerana melakukan kesalahan merompak, mencuri, menyeludup dadah dan sebagainya;
  - (b) berapa orang anggota polis telah menjadi mangsa atau cedera dalam hal-hal ini; dan
  - (c) adakah cadangan oleh Kementerian untuk memperketatkan lagi undang-undang tentang perkara ini dan jika ada keterangan selanjutnya.

#### **Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Juoid bia Megat**

**Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 44 orang penjenayah telah ditembak mati pada tahun 1987. Manakala dalam tahun 1988, seramai 68 orang pula penjenayah dapat dibunuh. Dalam tempoh tersebut hanya seramai 7 orang anggota polis yang mengalami kecederaan. Mengenai dengan penguatkuasaan undang-undang, Kementerian Dalam Negeri berpendapat tidak perlu diperketatkan lagi kerana undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi untuk membanteras penjenayah dengan berkesan.

**KEBAKARAN DI SEKOLAH MENENGAH SRI INAI**

17. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana keadaan kelima-lima orang pesakit yang badannya melecur akibat disambar oleh api dalam kebakaran yang berlaku di Sekolah Menengah Sri Inai, Pulau Pinang baru-baru ini. Sehingga kini, mengapa sebuah wad kebakaran tidak disediakan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan yang di-Pertua, 5 daripada pesakit yang terlibat dalam kebakaran yang berlaku di Sekolah Menengah Sri Inai di Pulau Pinang baru-baru ini telahpun dirujuk ke Kuala Lumpur untuk rawatan selanjutnya. Dua daripada mereka telah dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur dan tiga yang lain dihantar ke Hospital Universiti, Universiti Malaya. Di antara dua kes yang telah dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur, seorang telah meninggal dunia pada 18hb Mac. Keadaan pesakit kedua di Hospital Besar Kuala Lumpur adalah masih membimbangkan memandangkan kebakaran yang dihadapi adalah serius. Dari tiga pesakit yang telah dihantar ke Hospital Universiti, seorang telahpun dikeluarkan pada 19hb Mac, dan dua pesakit yang lain yang masih dirawat di hospital tersebut dan dikatakan dalam keadaan yang memuaskan.

Pada masa ini semua kes kebakaran atau 'burn cases', dengan izin, yang dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur adalah ditempatkan di Wad Otopedik di bawah jagaan Pakar Otopedik. Kementerian Kesihatan memang sudah ada cadangan untuk mengadakan sebuah wad khas untuk 'burn cases'. Cadangan ini dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

**Tuan Yang di-Pertua :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 59 adalah]

## USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen,, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang—bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh". (30hb Mac, 1989)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah untuk menyambung sedikit sahaja ucapan pada petang semalam. Sedikit sahaja, silakan.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung ucapan saya semalam berkaitan dengan masalah oto beca roda tiga.

Walaupun kenderaan ini tidak dibenarkan berjalan di Bandaraya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka ataupun Johor Bahru, pada pendapat saya ianya boleh beroperasi di bandar-bandar kecil dan rancangan-rancangan FELDA dan juga di kawasan perkampungan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan yang dikemukakan di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Tuan S.S. Subramaniam, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa berat kenderaan ini begitu ringan dan tidak mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 5(1)(f). Oleh sebab kenderaan ini ringanlah maka saya mencadangkan supaya ia dibolehkan bergerak di kawasan-kawasan bandar-bandar baru dan rancangan PELDA kerana sebagai kita sedia maklum, jalan-jalan kampung yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya membolehkan motosikal dan juga motokar yang ringan melaluinya. Jadi kalau oto beca ini diberi peluang untuk menjalankan khidmat di negara ini maka sesuai benarlah jalan ini dengan berat oto beca tersebut.

Jadi saya sukalah merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri-menteri Kabinet supaya dapat meminda peraturan ini dan meluluskan oto beca roda tiga ini menjadi salah satu kenderaan di negara ini kerana banyak faedah yang kita nampak, bukan sahaja ia merupakan satu kenderaan yang ringan tetapi ia mudah diusahakan oleh orang-orang yang berpendapatan rendah dan banyak memberi peluang kepada orang-orang yang memerlukan khidmat yang lebih murah. Hari ini kita tahu, dari pasar-pasar ke rumah-rumah mereka menggunakan beca roda tiga yang dikayuh tetapi kalau diluluskan oto beca roda tiga ini secara berjentera, saya rasa Malaysia telah melangkah satu lagi kemajuan ke arah memberi peluang kepada rakyat negara ini menjalankan usaha yang saya rasa dapat diusahakan oleh pengusaha-pengusaha

beca yang menggunakan tenaga untuk dikayuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menyentuh Pasukan RELA. RELA adalah satu pasukan yang telah ditubuhkan untuk menjadi pelapis kepada pertahanan pertama dan kedua dan juga menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan. Hari ini RELA telah memberi sumbangan yang besar kepada negara ini di mana mereka membantu mengawal persisiran pantai kita, mengawal kemasukan ataupun berleluasanya pengedaran dadah di rancangan FELDA. Tetapi hari ini RELA terpaksa merelakan segala-galanya bukan sahaja khidmatnya, tenaganya, malah wang ringgitnya di mana pakaian seragam RELA itu juga harus terpaksa dibeli oleh anggota-anggota itu sendiri yang kalau dikira untuk melengkapkan pakaian seragam RELA ini terpaksa memakan belanja lebih \$80. Apakah salahnya pihak Kementerian mengadakan satu peruntukan khas kepada anggota RELA ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih sempurna lagi, tidaklah semata-mata semuanya rela, rela segala-galanya.

Begitu juga dengan pejabat-pejabat RELA Daerah. Setakat ini pejabat-pejabat RELA Daerah tidak begitu sempurna keadaannya. Tidak ada satu buah kenderaan pun untuk pegawai RELA menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sedangkan daerah-daerah yang mereka jaga bukanlah kecil. Saya ambil contoh di Kota Tinggi, negeri Johor. Kawasan itu meliputi daerah kecil Pengerang, beberapa kawasan rancangan FELDA, pegawainya seorang dengan seorang Penolong Pegawai dan terpaksa menggunakan kenderaan sendiri untuk bergerak menjalankan aktiviti-nya. Apakah salahnya Kementerian Dalam Negeri dapat memperuntukkan satu peruntukan untuk melengkapkan lagi pejabat-pejabat RELA ini

supaya lebih selesa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Bukan itu sahaja yang saya ingin sentuh iaitu masalah kelengkapan menjalankan aktiviti, misalkata mereka mengadakan latihan, khemah kerja terpaksa menagih memohon, rayu pihak-pihak lain untuk mendapatkan membeli khemah, membeli alat-alat untuk mengadakan latihan menembak. Ini semuanya tidak ada disediakan oleh pihak Kerajaan. Jadi saya merayulah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya RELA ini dapat perhatian yang sewajarnya kerana ia merupakan satu benteng ataupun pertahanan setelah pertahanan yang pertama dan kedua kita menghadapi jalan depan apabila keadaan negara menghadapi huru-hara.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak menyentuh ialah masalah kurniaan gran tanah individu kepada peneroka-peneroka FELDA. Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas pengumuman beliau baru-baru ini bahawa semua peneroka dikurniakan satu sistem hak milik iaitu hak milik individu. Tetapi apa yang saya harapkan ialah proses untuk mengeluarkan hak milik itu ialah biarlah secara yang lebih baik lagi dari keadaan sekarang ini. Saya nampak di pejabat-pejabat tanah daerah mahupun di PTG negeri masih tidak dapat menjalankan proses-proscc dengan lancar kerana beberapa masalah teknikal yang harus diselesaikan.

Kita harap Kementerian supaya mengadakan sebuah unit khas untuk menguruskan gran hak milik ini dikeluarkan. Begitu juga saya ingin mengesyorkan bahawa PELDA tidak melayan kehendak-kehendak setengah-setengah peneroka yang hendakkan sampai dua tiga gran bagi tanahnya luas 10 ekar **itu**. Saya rasa lebih baik FELDA menentukan hanya satu gran sahaja bagi seorang peneroka dikeluarkan, tidak dua dan tidak tiga kerana ada setengah peneroka pula kononnya untuk tanah tepi jalan dia hendak satu gran dipotong sampai 20 orang. Ini saya rasa tidak logik sama sekali, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau semua orang boleh mendapat dua atau tiga gran bagi 10 ekar tanah, saya rasa ini lagi merumitkan proses untuk mengeluarkan gran-geran tersebut.

Akhirnya saya mengharap kepada Kementerian Buruh atau Kementerian Dalam Negeri bersabit dengan masalah buruh-buruh asing di negara ini. Seharusnya Kerajaan mengkaji membenarkan syarikat-syarikat mengambil pekerja-pekerja asing ini sebagai ejen.

Kalaulah sekarang ini Hanya dibenarkan kepada pihak majikan atau ladang sendiri menguruskan hal-hal untuk mendapatkan buruh-buruh asing ini, maka jaminan kepada buruh-buruh asing itu sendiri untuk mendapatkan ganjaran yang sebenar-benarnya akan tidak sampai ke matlamatunya. Itulah timbulnya semalam saya ada setengah daripada buruh-buruh ini teraniaya dan tidak dibayar gaji dengan betul. Akhirnya mereka melakukan perbuatan jenayah dan merosakkan nama baik ladang itu sendiri dan juga menyusahkan pihak Kerajaan untuk bertindak mengamankan jenayah-jenayah yang sentiasa menjadi-jadi daripada pndatang tanpa izin atau daripada buruh-buruh asing ini.

Setahu saya setakat ini tidak ada kelulusan yang dibuat oleh pihak Imigresen mahupun pihak Kementerian Buruh bahawa satu syarikat itu boleh menjadi ejen untuk membawa di mana ejen itu bertanggungjawab kepada buruh itu apabila berlakunya sesuatu penyelewengan atau sesuatu penganiayaan oleh pihak majikan. Sekarang ini tidak ada tempat rujukan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya sekali lagi menyokong penuh di atas usul merafakkan sembah kesyukuran dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi giliran pertama dengan sukacita saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memulakan jawapan. Dipersilakan.

**3.45 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah DiRaja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap

perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutama mengenai Majlis Perundingan Ekonorai Negara (MAPEN), Dasar Ekonomi Baru, penswastaaan, perpaduan, hal-hal perkhidmatan, hal-ehwal Islam dan rasuah. Untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini saya bercadang menjawab secara keseluruhan kerana perkara yang dibangkitkan itu adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Pandikar Amin Haji Mulia, Yang Berhormat Senator Dr. Tan Chong Keng, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator Tan Chai Ho, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon dan Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee telah menyentuh mengenai penubuhan Majlis MAPEN dan meminta Kerajaan mengambil langkah-langkah yang sesuai mengetini cadangan Majlis tersebut.

Manakala Yang Berhormat Senator Dr. Tan Chong Keng, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King dan Yang Berhormat Senator C. Krishnan menyentuh mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di mana dalam melaksanakan dasar ini dikatakan,berlakunya penyelewengan di dalam usaha-usaha menghapuskan kemiskinan tidak mengira kaum.

Kerajaan memang bersedia menerima kritik-kritik yang membina dari berbagai; pihak mengenai pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang bertujuan memperkemas dan melicinkan lagi usaha pembangunan negara. Mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara, cadangan-cadangan yang dikeluarkan oleh Ahli Majlis secara sebulat suara akan diterima oleh

Kerajaan dan akan dijadikan asas Rancangan Rangka Jangka Panjang selepas 1990. Rancangan Rangka Jangka Panjang ini akan dikemukakan kepada Parlimen seperti amalan biasa.

Berkenaan dengan kemiskinan di estet-estet dalam tempoh 1970 hingga 1987, kadar kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet telah berkurangan daripada 40% kepada 15%. Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya kepentingan semua kaum adalah dipelihara termasuk kaum India. Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada kaum India untuk melibatkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta bidang-bidang ekonomi yang lain.

Secara keseluruhan perubahan struktur ekonomi yang dijalankan adalah untuk menstabilkan pertumbuhan serta meningkatkan ketahanan ekonomi. Usaha-usaha ini telah berjaya meningkatkan pendapatan per kapita yang pada masa ini telah melebihi paras AS\$1800. Kita juga telah berjaya mengurangkan pergantungan kepada hanya beberapa komoditi tertentu melalui usaha pelbagaian. Sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi sekarang melebihi 26% dan eksport barangan pembuatan pula hampir mencapai separuh dari jumlah eksport negara. Dengan perkembangan-perkembangan ini prospek ke arah meningkatkan ketahanan ekonomi negara dan kualiti hidup penduduk negara ini adalah cerah.

Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong telah membangkitkan mengenal terdapatnya pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat daerah yang tidak memberi layanan sewajarnya kepada surat-surat yang dikemukakan kepada mereka telahpun diambil perhatian. Suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa

untuk memperkemaskan jentera pentadbiran supaya orang ramai dapat menikmati perkhidmatan yang cepat dan cekap.

Satu daripada usaha ke arah ini yang sangat diberikan tekanan ialah urusan surat menyurat Kerajaan. Mengenai perkara ini berbagai usaha dan program telah dijalankan termasuk mengadakan bengkel, ceramah-ceramah dan juga mengeluarkan panduan-panduan surat menyurat Kerajaan untuk semua peringkat agensi Kerajaan. Usaha-usaha seperti ini akan terus dijalankan untuk memastikan surat-surat diberi layanan dengan cepat dan dapat diuruskan dengan lebih licin dan teratur. Di samping itu Jabatan-jabatan akan terus diperingatkan supaya memberikan layanan yang segera kepada surat-surat yang di terima, Saya yakin usaha-usaha yang dijalankan itu akan dapat mempertingkatkan kelicinan urusan surat-menyurat Kerajaan.

Yang'Berhormat Senator G. Rajoo telah membangkitkan terdapatnya pegawai .Kerajaan yang berpendapatan rendah dan telah lama berkhidmat dengan Kerajaan supaya tidak diabaikan selcepat bersara memandangkan pada masa ini kos kehidupan telah meningkat. Mengenai cadangan supaya-.pesara-pesara Kerajaan dalam golongan rendah yang berkhidmat lebih daripada 30 tahun diberi sebidang tanah untuk menampung perbelanjaan mereka disebabkan kos kehidupan yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa perlulah dikaji dengan mendalam dan terperinci sebelum dilaksanakan. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan kan bahawa Kerajaan memang memandang berat terhadap semua pesara-pesara Kerajaan termasuk mereka dari golongan rendah. Untuk menampung kos penghidupan yang meningkat dari semasa ke semasa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyemak pencen pesara-pesara apabila gaji bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Hajjah Habidah binti Jusoh meminta Kerajaan memberi perhatian yang serius ke atas kelas-kelas pengajian Al-Quran di seluruh negara. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang menjadi badan penye-laras Rancangan: Pengajian Al Quran dan Fardhu Ain di seluruh negara pada masa sekarang, sedang mengatur pelaksanaan program- program yang berkenaan di seluruh negara. Perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan program-program pengajian tersebut hingga ke peringkat daerah dan kampung sedang dijalankan. Perbincangan tersebut juga merangkumi perkara-perkara berhubung dengan perlantikan Guru-guru Al Quran dan Fardhu Ain, pembayaran elaun kepada guru-guru, keperluan-keperluan peralatan pejabat dan kelas dan pengawasan perjalanan kelas-kelas yang berkenaan. Bahagian Hal Ehwal Islam juga dalam perbincangan- perbincangan dengan Kerajaan Negeri menjelaskan mengenai konsep dan objektif serta matlamat kelas-kelas pengajian Al-Quran di seluruh negara. Kelas pengajian Al Quran dan Fardhu Ain yang berkenaan akan mula di-laksanakan pada awal bulan Jun 1989.

Yang Berhormat Senator Haji Jaafar bin Harun menyarankan supaya diselaraskan khutbah-khutbah di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa hak untuk menyediakan dan membaca khutbah di negeri-negeri adalah hak mutlak Kerajaan Negeri yang disalurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri atau Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Sekiranya terdapat perkara-perkara berbentuk umum untuk di sampaikan kepada rakyat di seluruh negara maka Bahagian Hal Ehwal Agama Islam akan menyediakan khutbah-khutbah untuk disampaikan

kepada Kerajaan Negeri dan disyorkan khutbah tersebut dibaca di semua masjid di negeri berkenaan dengan persetujuan Kerajaan Negeri. Bahagian Hal Ehwal Islam juga dari masa ke semasa mengumpul khutbah-khutbah dari seluruh negara dan mencetaknya untuk diedarekan ke semua negeri-negeri.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin membangkitkan mengenai kegiatan Al-Arqam dan pembendungan pengaruh mereka. Kerajaan dari semasa ke semasa telah, sedang dan akan mengikuti dan mengesan perkembangan kegiatan-kegiatan pemimpin-pemimpin Al-Arqam untuk membendung pengaruh mereka.

Bahagian Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Polis dan Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke samasa mengikuti kegiatan-kegiatan mereka dan telah membuat penelician yang sewajarnya. Mengenai isu pengaruh Al-Arqam, di Sekolah Vokesional Perdagangan di Johor, sebenarnya siasatan lanjut sedang dibuat.

Yang Berhormat Senator Abdul Hamid Araby mencadangkan supaya Lerabaga. Urusan dan Tabung Haji (LUTH) menjalankan kegiatan dakwah kerana agensi tersebut mempunyai sumber kewangan yang besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa LUTH ditubuhkan di bawah Aktanya tersendiri dan antara lain tujuan penubuhannya adalah seperti berikut:

- (1) membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan Fardhu Haji atau lain-lain perbelanjaan yang bermunafaat;
- (2) membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan. mereka mengambil bahagian. dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan

serta tanah dan bangunan melalui cara yang halal di sisi agama Islam;

- (3) memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang. Islam menunaikan' Fardhu Haji dengan mengadakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan.

Dengan yang demikian, penglibatan Tabung Haji dalam usaha Dakwah Islamiah adalah di luar bidang tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G. Rajoo menyentuh mengenai rasuah dan mencadangkan supaya dipinda dan diperketatkan undang-undang yang sedia ada sebagai langkah ketegasan Kerajaan menghapuskan rasuah. Beliau menyarankan juga supaya undang-undang tersebut boleh merampas dan membekukan harta mereka yang melakukan rasuah. Di samping itu beliau meminta supaya disoalsiasat orang-orang yang mempunyai harta yang tidak seimbang dengan pendapatan mereka.

Dalam hal ini ketegasan Kerajaan dalam mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang melakukan rasuah sememangnya telah diketahui umum. Selain daripada itu, Akta tersebut juga memberi kuasa undang-undang yang membolehkan wang rasuah yang disimpan dalam bank dibekukan dan dirampas.

Peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Pencegah Rasuah, 1961 telah menetapkan sebagai hukuman tambahan bahawa Mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang disabitkan kerana kesalahan menerima rasuah supaya membayar balik sejumlah wang atau nilai yang sama banyak dengan suapan yang diterima olehnya kepada pihak Kerajaan.

Setakat ini peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah memadai untuk mencegah orang-orang daripada melakukan rasuah dengan

berkesan. Namun begitu. Kerajaan sentiasa peka ke atas perubahan masa dan perkembangan- keadaan yang mana sekiranya perlu disemak kerabali undang-undang yang ada selaras dengan kehendak perubahan, maka Kerajaan sudah pasti akan berbuat demikian.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan supaya menyoal siasat orang-orang yang mempunyai aset dan harta yang tidak seimbang dengan pendapatan, sememangnya Badan Pencegah Rasuah telah melaksanakan tindakan sedemikian ke atas pegawai-pegawai Kerajaan bilamana terdapat maklumat dan aduan yang berkaitan. Malahan Ketua-ketua Jabatan sendiri boleh mengambil tindakan tata-tertib ke atas pegawai-pegawainya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 9, Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D), 1980 sekiranya mendapati seseorang pegawai itu menyenggara taraf hidup melebihi daripada emolumen rasmi dan pendapatan persendirian yang sah.

Adalah tidak wajar melemparkan dakwaan atau tuduhan melulu menyatakan ramai orang di negara ini hidup dengan "life style", dengan izin, yang mewah walaupun pendapatan mereka tidak begitu banyak sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak mempunyai asas-asas dan fakta yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin mencadangkan supaya taraf Datuk Bandar dinaikkan ke taraf Gabenor sepertimana yang telah dilakukan oleh negara-negara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah dibuat secara lantikan (appointed), dengan izin, oleh Yang di Pertuan Agong sepertimana, diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Akta

Ibu Kota Persekutuan 1960. Pada masa ini taraf Datuk Bandar telah didapati lebih sesuai dengan iklim pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur, sedangkan taraf Gabenor adalah dilantik secara perailihan atau elected, dengan izin. Oleh yang demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat itu perlu dilihat dari aspek negatif dan positifnya terlebih dahulu kerana ia akan melibatkan beberapa perubahan dan pindaan kepada peruntukan undang-undang yang terpakai sekarang dan beberapa peraturan lain bagi pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Senator Pendikar Amin Haji Mulia membangkitkan mengenai penswastan Sabah Gas Industries. Ingin saya nyatakan perkara ini sedang dirundingkan bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Memandangkan kedua-dua Kerajaan mempunyai peranan masing-masing dalam projek ini, Kerajaan Negeri sebagai pemegang akuiti yang kini telahpun hangus akibat kerugian-kerugian yang amat besar dan Kerajaan Persekutuan sebagai pemberi dan penjamin pinjaman-pinjaman yang berjumlah lebih daripada \$1,500 juta, sewajarnya apa-apa keputusan yang diambil mendapat persetujuan kedua-dua Kerajaan.

Mengenai ketiadaan insentif bagi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menswastakan agensi-agensi di bawahnya disebabkan terhadapnya hasil penswastan yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri kepada nilai belian sahaja iaitu tidak termasuk cukai korporat, saya ingin menekankan bahawa insentif yang utama bagi Kerajaan-kerajaan Negeri adalah menghadkan pembaziran sumber-sumber kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri. Ini adalah kerana daripada beratus-ratus buah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, hanya segelintir sahaja yang memberi hasil dari segi dividen kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri. Sementara itu bagi sebahagian besar yang mengalami kerugian, Kerajaan-kerajaan Negeri seringkali terpaksa memberi bantuan aliran wang tunai (cash flow), dengan izin. Telah terbukti di merata-rata tempat bahawa Kerajaan adalah tidak cekap dalam menjalankan perniagaan oleh sebab suasana yang tidak sesuai yang wujud di dalam birokrasi Kerajaan.

Berkaitan dengan keuntungan sebanyak \$50 juta yang dijangkakan dalam tahun ini, Yang Berhormat jangan terlalu cepat bersenang hati di atasnya. Seperti Yang Berhormat maklum, keluaran industri ini adalah tertakluk kepada sharp cyclical swings, dengan izin. Oleh yang demikian kita tidak dapat mengunjurkan dengan tepat tentang apa yang akan berlaku di tahun-tahun yang akan datang iaitu bagi tempoh hayat projek ini. Adalah lebih wajar bagi Kerajaan mengelakkan dirinya daripada risiko-risiko sedemikian oleh kerana kerugian-kerugian yang akan dipikul oleh Kerajaan tidak dapat diduga. Bagi projek ini, adalah lebih baik bagi Kerajaan untuk meminimakan kerugiannya. Selain daripada itu, janganlah Yang Berhormat bersenang hati dengan keuntungan pertama ini oleh kerana harapan Kerajaan Negeri meraihnya menerusi dividen perlu mengambilkira pembayaran hutang-hutang lama projek ini dan juga pentingnya bagi syarikat ini meningkatkan rizabnya bagi menghadapi kesukaran di masa hadapan jika keadaan industri ini menurun.

Inisiatif Kerajaan Sabah dalam menggunakan sepenuhnya gas bersekutu, 'associated gas', dengan izin, patutlah dipuji, Kerajaan sentiasa menggalakkan inisiatif-inisiatif sedemikian.

Yang Berhormat perlulah ingat bahawa inisiatif sedemikian boleh juga diambil oleh sektor swasta sekiranya promosi yang cukup diadakan. Selain daripada itu, adalah menjadi dasar perindustrian Kerajaan bahawa penerokaan di dalam industri-industri berat boleh dimulakan oleh Kerajaan disebabkan kurangnya minat sektor swasta di dalamnya. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan perlu memilikinya buat selama-lamanya. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memindahkan industri-industri ini kepada sektor swasta pada masa-masa yang sesuai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan industri hiliran yang menggunakan gas. Beberapa projek sedang dirancang pada masa ini oleh sektor swasta serta PETRONAS. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sememangnya mengambilkira peranan gas asli dalam pembangunan ekonomi negara dalam perancangannya. Dalam melaksanakan dasar penswastaannya, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa pengagihan dibuat secara adil dan saksama.

Berhubungan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King mengenai cadangan mengkaji semula Akta 237 mengenai Saraan Ahli-ahli Parlimen dan Anggota-anggota Pentadbiran, Kerajaan akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab satu persatu atau menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jetnput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan, dipersilakan.

**4.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengalu-alu dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana telah sudi menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Dalam Negeri semasa membahas Usul Titah DiRaja. Saya akan cuba memberi ulasan atas cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Abdullah telah membangkitkan masalah Rela, terutama yang bersangkutan-paut dengan pakaian dan juga pejabat. Perlu diingatkan bahawa Rela adalah merupakan sambungan daripada homeguard yang telahpun kita tamatkan lebih awal tahun 70an setelah darurat ditamatkan. Homeguard juga telah berjasa banyak kepada negara terutama dalam masa darurat dan mereka tidak pernah diberi apa yang dikatakan 'uniform' tetapi telah dapat menjalankan tugas dengan baik sebagai benteng ketiga negara kita.

Rela pada hari ini mempunyai ahli seramai 190,000 orang, bayangkanlah berapa banyak peruntukan yang harus kita sediakan kalau tiap-tiap ahli terpaksa diberi pakaian oleh pihak Kerajaan.

Dalam perjumpaan saya di merata tempat di negara ini saya telah mengesyorkan kepada Rela Daerah dan juga Rela Negeri agar kita menggunakan jasa baik Wakil-wakil Rakyat daripada Barisan Nasional yang mempunyai peruntukan khas agar memberi sedikit peruntukan mereka kepada Pertubuhan Rela di kawasan masing-masing. Juga memohon

daripada ahli-ahli perniagaan yang telahpun mendapat keuntungan banyak di daerah masing-masing, kerana tugas Rela menjaga keamanan di kawasan itu yang menyebabkan ahli-ahli perniagaan mendapat keuntungan yang banyak. Dengan adanya bantuan-bantuan daripada orang-orang yang telah saya sebutkan tadi tentu sekali pakaian Rela ini dapat dibiayai kalau tidak sepenuhnya, setengah.

Tentang pejabat Rela pula, saya telah mengarahkan bahawa bukan sahaja daerah mempunyai pejabat-pejabat tetapi juga di tiap-tiap mukim haruslah mempunyai pejabat Rela sendiri dengan dibina secara gotong-royong oleh Pasukan Rela dengan bantuan-bantuan dan derma-derma yang dapat diperolehi.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Abdullah juga telah bercakap tentang buruh asing, tidak ada agensi-agensi tertentu kononnya yang raana ini menyebabkan buruh-buruh ini dianiaya oleh pihak-pihak estet. Perlu saya katakan bahawa jikalau sekiranya buruh asing itu dalam skim pemutihan kita segala butir-butir peribadi serta tempat kerja ada tersirapan di Pejabat-pejabat Imigresen, Pejabat Buruh, juga di Kedutaan di mana buruh-buruh tersebut datang, dengan sebab itu masalah ditipu oleh pihak-pihak tertentu tidaklah timbul. Tentang buruh-buruh asing yang bukan di dalam skim pemutihan, memang ada .agenai-agensi tertentu mengendalikan kedatangan buruh-buruh asing tersebut, terutama buruh-buruh yang datang daripada Bangladesh. Jadi saya fikir keadaan ini dapat membendung segala penipuan-penipuan yang sedang dan mungkin wujud di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo mengalu-alukan tindakan polis menempatkan beberapa orang profesional seperti peguam, akauntan dalam perkhidmatan polis bagi membanteras penjenayah komersial.

Seterusnya beliau mencadangkan supaya polis memberi hadiah yang lumayan kepada orang-orang yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah dan anggota polis hendaklah menggunakan alat-alat sofistikated untuk mengesan jenayah perdagangan ini. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh pihak polis demi untuk mempertingkatkan keupayaan polis dalam membasmi jenayah perdagangan di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King dan Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong membangkitkan masalah orang bukan warganegara yang telah lama berada di Persekutuan tetapi belum mendapat taraf kewarganegaraan. Kegagalan mendapat taraf kewarganegaraan dikatakan kerana mereka tidak faham dengan undang-undang dan peraturan atau kerana kesilapan teknik. Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya orang-orang yang kini bukan warganegara diberi perakuan kemasukan jika mereka dapat mengemukakan bukti-bukti bahawa mereka telah lama bermastautin di Persekutuan sebelum Hari Malaysia selain dari mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di Perkara 191(a) dan (b).

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sama dengan jawapan lisan yang telah saya sebutkan dalara Dewan ini semalam, 29hb Mac, 1989 dengan panjang lebar dan pada pendapat saya jawapan itu amat jelas sekali. Dengan itu saya tidak berhajat untuk mengulanginya. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memeriksa dari Penyata Rasmi Parlimen.

Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong mencadangkan supaya proses pengeluaran Pasport Antarabangsa kepada ahli-ahli perniagaan yang hendak ke luar negeri atas urusan perniagaan dipercepatkan. Mengenai ini dimaklumkan bahawa sesuatu permohonan pasport dapat disiapkan dalam masa dua minggu. Dalam keadaan tertentu pasport

boleh dikeluarkan dalam masa yang lebih singkat dari dua minggu. Walau bagaimanapun, saya menyeru kepada semua pihak supaya merancang perjalanan dan memohon pasport seberapa awal untuk mengelakkan dari sebarang kerumitan.

Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin membangkitkan mengenai kegiatan Al-Arqam dan mencadangkan supaya memperhebatkan pemerhatian terhadap kegiatan Al-Arqam. Mengenai ini Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian kepada semua pergerakan atau pertubuhan termasuklah Pertubuhan Al-Arqam demi untuk menjamin ketenteraman awam di negara **ini**.

Yang Berhormat Tuan C. Krishnan mencadangkan supaya pihak polis berhati-hati semasa memproses dan meluluskan permit pertunjukan seperti Pertunjukan Malam Kebudayaan Tamil kerana majlis ini digunakan oleh golongan tertentu untuk mencaci pucuk pimpinan MIC sekarang. Mengenai hal ini dimaklumkan sesuatu permit diberi jika pihak polis berpuashati bahawa upacara itu tidak mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sesuai jika sesuatu majlis itu boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Haron menyentuh mengenai maaalah penagihan dadah. Beliau mencadangkan supaya diadakan kajian bagi menentukan golongan mana yang sebenarnya terlibat dengan penagihan dadah dan kemudian barulah tnerangka pendekatan pemulihannya. Mengenai ini dimaklumkan bahawa Pasukan Petugas Anti Dadah menerima data-data penagihan yang dikesan dan dianalisa. Salah satu maklutnat yang dipcrolehi ialah raaklumat berhubung dengan golongan yang terlibat dengan dadah seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat. Maklumat ini dikeluarkan dari masa ke tnasa, dengan itu tidaklah perlu satu kajian khas dibuat bagi mengetahui golongan yang terlibat dalara dadah kerana ini sentiasa dikeluarkan oleh pasukan bertugas yang mana saya tiap-tiap bulan meneritna laporan-laporan tersebut.

Mengenai prograra pemulihan, pelbagai program diadakan bagi menjamin penagih-penagih benar-benar pulih dari najis dadah.

Mengenai tindakan mengurangkan bekalan dadah, operasi menangkap pengedar dadah juga diperhebatkan dan Kerajaan juga telahpun menguatkuasakan Akta Merampas Harta Pengedar Dadah yang diperolehi melalui penjualan dadah. Kementerian belum berpuas hati dengan kejayaan sehingga ini dan masih mengharapkan kerjasama dari semua pihak untuk memberi maklumat mengenai pengedar dadah kepada pihak berkuasa supaya kegiatan pengedar dadah dapat dikurangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya bagi kali ini, dan saya memberi jaminan mana-mana teguran dan pandangan-pandangan yang tidak sempat di jawab akan diberi perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Kehakiman. Saya jemput Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberi jawapan.

#### **4.11 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran di atas dasar dan masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kehakiman, Berkenaan Seksyen 3, Akta Undang-undang Sivil 1956 dimansuhkan, Akta ini menekankan Mahkamah di Malaysia boleh menggunakan Common Law yang diperturunkan oleh British sekiranya tidak ada sebarang undang-undang tertulis. Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita diberitahu bahawa ini adalah di peringkat awalan untuk dikaji semula Common Law yang ada sekarang dengan tujuan memperbaiki serta menggantikan dengan Common Law yang berunsurkan nilai-nilai tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ianya dilaksanakan segala pandangan serta teguran akan dikaji dengan terperinci dan teliti tennasuk ulasan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chai Ho.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Ng Cheng Kuai]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Senator yang telah mengeluarkan pandangan dan buah fikiran yang bernas mengenai aktiviti di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Pandangan-pandangan yang berkenaan akan dijadikan pedoman jika didapati sesuai untuk menyesuaikan cara-cara pelaksanaan dasar yang berkenaan.

Kementerian saya berpendapat bahawa Ahli-ahli Senator adalah terdekat sekali dengan rakyat jelata, maka pandangan-pandangan yang disuarakan adalah lebih menepati aspirasi rakyat di peringkat akar umbi dan ini akan diambil kira apabila tiba masanya untuk memperbaiki cara pelaksanaan atau menggubal cara-cara baru supaya mutu pengurusan akan meningkat kepada satu tahap yang boleh dibanggakan. Misalnya bagi mencari jalan untuk meningkatkan lagi liputan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar, Kementerian sedang merancang dan meneliti beberapa kemungkinan atau pendekatan untuk melaksanakan projek bekalan elektrik menggunakan aistem tenaga suria dan menggunakan kuasa haidro bagi kampung-kampung tepi sungai. Bagi negeri

Sarawak, Kementerian telah mengenalpasti Kampung Bugis Sarekei untuk dijalankan projek perintis tenaga suria. Kampung ini dianggarkan penggunaannya seraraai 66 keluarga. Projek perintis ini dianggarkan akan menelan belanja sebanyak \$423,000. Sebuah syarikat tempatan telah diminta untuk menjalankan kajian ke atas projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Harun dan Senator Puan Habidah binti Jusoh telah meminta Kerajaan memberikan keutamaan kepada penyediaan bekalan elektrik, air dan jalan di luar bandar. Untuk makluman Senator-senator tersebut, sememangnya Kerajaan sentiasa meraberi keutamaan kepada program penyediaan infrastruktur di luar bandar. Usaha untuk mengadakan kemudahan infrastruktur ini di kesemua kampung-kampung akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai pertambahan peruntukan sebanyak \$400 juta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, semeraangnya peruntukan tersebut telah diagihkan bagi mempertingkatkan penyediaan infrastruktur, di mana \$80 juta diperuntukkan untuk program bekalan air luar bandar, \$110 juta untuk program bekalan elektrik luar bandar, \$120 juta untuk projek jaiian kampung dan \$90 juta untuk program jalan luar bandar. Adalah diharapkan pada akhir tahun 1990, 85% daripada seluruh penduduk luar bandar akan menikmati bekalan elektrik. Begitu juga dengan bekalan air dan jalan-jalan kampung, pada masa ini di setengah-setengah negeri hampir mencapai 90% kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhonnat Senator Puan Ainon binti Ariffin pula mencadangkan Kementerian turut memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha industri kampung. Untuk

makluman Yang Berhormat Kementerian sememangnya sentiasa memberi bimbingan dan khidmat nasihat bagi membantu pengusaha-pengusaha industri kampung tersebut melalui agensi di bawah Kementerian seperti MARA, Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia, dan Jabatan Koperasi. Kemudahan-kemudahan yang diberikan adalah bengkel pengeluaran, bimbingan kemahiran dan pemasaran. Selain dari itu terdapat juga agensi-agensi lain seperti SIRIM, MARDI dan FRIM yang menyediakan dan membimbing pengusaha-pengusaha dalam bidang bimbingan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Harun juga menyentuh tentang Skim Anak Angkat dan pinjaman yang disediakan oleh pihak MARA. Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sentiasa membuka peluang kepada orang perseorangan, Persatuan ataupun institusi-institusi bagi menjayakan Skim Anak Angkatnya yang dikendalikan oleh Yayasan Pelajaran MARA (YPM). Dalam menjayakan skim ini, YPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan mencari anak-anak angkat di sekolah-sekolah yang dianggap sesuai mendapat bantuan dari skim ini. Mengenai tabung khas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, sememangnya tabung tersebut telahpun diwujudkan dan setakat ini tabung khas Skim Anak Angkat YPM ini telah berjaya mengumpul sebanyak 579,000 sumbangan dari 200 orang bapa angkat untuk disumbangkan kepada 325 orang anak angkat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Harun supaya MARA menyediakan pinjaman berupa barang keperluan bagi pengusaha-pengusaha mini market, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa pihak MARA setakat ini tidak

bercadang untuk memberi pinjaman seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, sebaliknya MARA masih meneruskan pemberian pinjaman berbentuk wang bagi membolehkan pekedai-pekedai tersebut menggunakan pinjaman ini sebagai modal pusingan ataupun simpanan tetap mereka di dalam bank bagi membolehkan mereka menguruskan perniagaan mereka dengan menggunakan draft bank. Bagi makluman Yang Berhormat, MARA juga sedang melatih pengusaha-pengusaha mini super market dalam bidang pengurusan dan pengendalian perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada pandangan-pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya jawab itu tadi, adalah ketara bahawa terdapat banyak persamaan dari segi pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan aspirasi rakyat jelata dengan perancangan projek yang sedang dilaksanakan. Ini boleh dibayangkan seperti sebuah keretapi yang sedang berjalan mengikut landasan yang telah ditentukan arahnya. Kita sama-sama akan menuju ke matlamat yang telah ditentukan dan telahpun diterima oleh semua pihak cuma ada perbezaan pendapat yang tertumpu kepada jadual pelaksanaan projek atau cara-cara untuk melaksanakannya. Tetapi unsur pertama yang akan mempengaruhi jadual penyediaan projek ataupun cara pelaksanaan projek-ialah sumber kewangan Kerajaan. Ini boleh juga dibayangkan dengan usaha tukang jahit yang terpaksa mereka pakai mengikut ukuran kain yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-Senator, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Pengangkutan untuk memberi jawapan, dipersilakan.

**4.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penjelasan kepada beberapa perkara mengenai Kementerian Pengangkutan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak beberapa hari yang lalu.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas teguran, pandangan dan juga syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Mengenai Lapanganterbang Pulau Pinang yang dikatakan tidak digunakan sepenuhnya oleh Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee, sukacitalah saya memaklumkan bahawa pada masa ini Lapanganterbang Pulau Pinang adalah di antara Lapanganterbang bertaraf antarabangsa yang paling sibuk di Malaysia. Misalnya, pada tahun 1988 Lapanganterbang Pulau Pinang mengendalikan seramai 1,298,882 orang penumpang dibandingkan dengan 5,044,695 bagi Lapanganterbang Antarabangsa Subang; 1,373,835 bagi Kota Kinabalu dan 1,097,910 bagi Lapanganterbang Antarabangsa Kuching.

Dari segi pergerakan pesawat pula, prestasi Lapanganterbang Pulau Pinang adalah juga memuaskan di mana pada tahun 1988 terdapat sebanyak 17,236 pergerakan pesawat di Lapanganterbang ini dibandingkan dengan 57,990 bagi Lapanganterbang Antarabangsa Subang; 28,860 bagi Kota Kinabalu dan 20,514 bagi Lapanganterbang Antarabangsa Kuching.

Dalam mengendalikan kargo, Lapanganterbang Pulau Pinang adalah nombor dua selepas Lapanganterbang Antarabangsa Subang di mana pada tahun 1988 Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang mengendalikan 19,516 tan kargo dibandingkan dengan 113,921 tan bagi Lapanganterbang Antarabangsa Subang; 14,105 bagi Kota Kinabalu dan 8,205 bagi Kuching.

Daripada angka-angka mengenai pengendalian penumpang, pergerakan pesawat dan muatan kargo yang dikendalikan oleh Lapanganterbang Pulau Pinang jelaslah bahawa penggunaan kemudahan-kemudahan di Lapanganterbang ini telah mencapai matlamatnya.

Berkaitan dengan penerbangan terus ke Pulau Pinang, Kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing mengadakan perkhidmatan melalui pintu masuk atau, dengan izin, entry points seperti Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching selain daripada Kuala Lumpur. Dalam rundingan-rundingan perjanjian udara, syarikat-syarikat penerbangan asing sememangnya ditawarkan hak pendaratan untuk mengadakan perkhidmatan ke semua tempat tersebut. Oleh itu, adalah terpulang kepada negara-negara asing dan syarikat-syarikat penerbangannya untuk membuat keputusan sama ada mereka hendak mengadakan penerbangan ke tempat-tempat yang ditawarkan di Malaysia itu. Biasanya syarikat-syarikat penerbangan asing akan membuat keputusan atau pemilihan destinasi berdasarkan faktor-faktor commercial, dengan izin, seperti kedudukan aliran trafik dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengamalkan dasar 'open-skies', dengan izin, bagi perkhidmatan tidak berjadual dan

sewa khas antarabangsa ke negara ini. Dalam hal ini Kerajaan telah-pun memberikan kebenaran kepada sebuah syarikat penerbangan dari UK iaitu Monarch Airlines untuk mengadakan 9 penerbangan terus ke Pulau Pinang di antara 18hb Disember, 1988 sehingga 9hb April, 1989.

Berhubung dengan ulasan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul. Hajid bin Abdullah, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian yang telah diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya berpendapat sistem pembaharuan lesen memandu yang ada sekarang adalah Tebih menyenangkan dan pemerosesannya juga lebih cepat. Di bawah sistem lama kita perlu menyediakan 2 keping gambar dan mengisi borang tertentu untuk pembaharuan lesen memandu. Masa yang lebih lama adalah diperlukan kerana lesen dikeluarkan oleh Ibupejabat Jabatan Pengangkutan Jalan. Di bawah sistem yang baru yang 'decentralised', dengan izin, lesen-lesen memandu baru dan penbaharuan akan dibuat di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri-negeri. Masa yang diambil adalah lebih cepat dan pemandu hanya perlu memberi lesen lama dan wang bayaran untuk maksud pembaharuan.

Berhubung dengan pejabat JPJ yang penuh sesak, memang saya akui di setengah-setengah pejabat JPJ memang sesak, kita sedar dan kita sedang memperbaiki keadaan ini. Berhubung dengan perkara ini ingin saya memaklumkan sebanyak 5 buah pejabat baru Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu JPJ di Johor Bahru, JPJ Pulau Pinang, JPJ Melaka, JPJ Negeri Sembilan dan JPJ Raub akan dibina. Pembinaan pejabat baru ini amat perlu kerana pejabat-pejabat yang sedia ada dalam keadaan begitu teruk, tidak mempunyai ruang pejabat yang cukup untuk menampung keperluan dan tiada keupayaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kaunter kepada orangramai. Tiga bangunan tambahan pula

akan dibina untuk memperlengkapkan lagi pejabat JPJ di Muar, Kuala Terengganu dan Labuan.

Keperluan juga telah diperolehi untuk memperbaiki pejabat-pejabat JPJ yang lain di seluruh negara. Kita juga patut sedar bahawa Kerajaan tidak mungkin mampu untuk membuka pejabat JPJ di setiap daerah bagi seluruh negeri di Malaysia ini. Jadi, untuk mengatasi-masalah kesesakan di pejabat JPJ, Kementerian Pengangkutan telah melancarkan projek perintis pembaharuan lesen kereta motor melalui Pejabat Pos dalam bulan Januari 1988 untuk 3 Pejabat Pos di negeri Johor iaitu di Kluang, Simpang Renggam dan di Sungai Mati.

Melihat dari kejayaan projek perintis ini, Kementerian Pengangkutan telah mempersetujui, secara prinsip untuk meluaskan perkhidmatan ini di Pejabat-pejabat Pos yang lain, tetapi pelaksanaannya adalah juga tertakluk ke atas keupayaan Pejabat-pejabat Pos itu masing-masing. Pada masa hadapan saya percaya masalah yang dihadapi oleh orangramai yang berurusan dengan pejabat JPJ akan dapat dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di Johor pada masa ini telah terdapat 6 pejabat JPJ iaitu pejabat JPJ Negeri yang terletak di Johor Bahru, pejabat cawangan di Muar dan pejabat-pejabat kecil di Pontian, Batu Pahat, Segamat dan Mersing.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan. Saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan syor-syor yang membina mengenai Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Yang di Pertua:** Kementerian Kerjaraya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan menjawab bagi pihak dua Kementerian?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Ya.

**Tuan Yang di Pertua:** Diminta Yang Berhormat menjawab sekali gus.

**4.28 ptg.**

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin menjawab bagi pihak Menteri Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan ke atas beberapa perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Kerjaraya semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Abdullah dari Johor telah membangkitkan mengenai jalan-jalan FELDA yang rosak dan perlu diturap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan-jalan FELDA pada masa ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya dan semua pembaikan jalan-jalan yang sedia ada itu akan dibuat atau dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya. Oleh yang demikian, Jabatan Kerjaraya akan meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas perkara yang berkenaan.

Mengenai pembinaan jambatan konkrit bagi menggantikan jambatan-jambatan kayu terutamanya di jalan daripada Keluang ke Jemaluang,

ke Mersing, pada masa ini kerja-kerja membina semula 2 jambatan telahpun siap dibuat dan beberapa jambatan lagi akan digantikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini juga.

Sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kepada Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan ini di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini sewaktu membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh dan telah memberi cadangan, pendapat serta teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo tentang penyediaan buku-buku panduan dalam berbagai bahasa untuk "Tahun Melawat Malaysia" 1990, ingin saya maklumkan bahawa ianya dikeluarkan dalam beberapa bahasa termasuk Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan bahasa Arab. Kesemua buku-buku panduan dalam bahasa-bahasa yang saya sebutkan tadi adalah untuk diedarkan di luar negeri kecuali Bahasa Malaysia yang ditujukan kepada rakyat negara ini, Bagi menarik pelancong-pelancong dari negara India adalah dirasakan bahawa buku-buku panduan ini iaitu di dalam bahasa Inggeris adalah mencukupi memandangkan bahawa bahasa tersebut adalah merupakan salah satu. bahasa yang digunakan dengan luas di negara tersebut. Kebanyakan -pelancong-pelancong dari India yang melawat negara ini adalah dari bahagian utara India yang tidak menggunakan bahasa Tamil. Bagi tujuan publisiti kepada penduduk-penduduk keturunan Tamil di negara ini buku-buku panduan di dalam Bahasa Malaysia adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Habidah binti Jusoh telah mengesyorkan supaya agensi-agensi pelancongan dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bekerjasama rapat bagi meningkatkan lagi kemasukan pelancong ke negara ini, sukalah saya nyatakan di sini bahawa kerjasama ini telahpun lama terjalin antara kedua-dua belah pihak. Ini dapat dilihat di mana dalam setiap misi penggalak pelancongan keluar negeri yang diadakan, pihak swasta

termasuk agensi-agensi pelancongan telah dijemput turut serta di dalam' rombongan berkenaan. Ini adalah bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengadakan- hubungan perniagaan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di negara-negara yang dilawati bagi memperkenalkan Malaysia atau 'menjual' Malaysia. Pihak pengusaha pelancongan juga telah dijemput menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan sempena Tahun Melawat Malaysia, di mana mereka dapat memberi pendapat atau pandangan bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990. Di samping itu Kementerian dari masa ke semasa telah juga mengadakan majlis-majlis perjumpaan bagi membincangkan hal-hal mengenai industri pelancongan di negara ini.

Menjawab saranan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Haron supaya Kementerian mengambil peluang dari Persidangan- Ketua-ketua Negara Komanwel atau CHOGM dan Sukan Asia Tenggara, untuk meningkatkan penggalakan menjual Malaysia khususnya kepada misi yang menghadiri acara tersebut supaya mereka datang lagi pada tahun 1990, sebenarnya cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut memang telahpun menjadi salah satu strategi Kementerian untuk menjual Malaysia kepada pelancong-pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 1990. Kementerian pada' masa ini menganggotai beberapa jawatankuasa kecil CHOGM dan Sukan SEA. Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah seperti berikut:-

- (i) Merancang package tours kepada pelawat-pelawat acara-acara berkenaan ke destinasi-destinasi pelancongan yang menarik di negara ini.

- (ii) Mengadakan pertunjukan-pertunjukan atau persembahan-persembahan kebudayaan Malaysia di dalam semua upacara-upacara rasmi yang dianjurkan oleh Kerajaan.
- (iii) Mengadakan majlis perjumpaan serta taklimat mengenai Tahun Melawat Malaysia 1990 dan juga pertunjukan-pertunjukan kebudayaan Malaysia kepada pihak wartawan-wartawan dari media massa antarabangsa yang menghadiri CHOGM dan juga Sukan SEA.
- (iv) Menggalakkan pihak gedung-gedung perniagaan menyenaraikan dan memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia untuk pelawat-pelawat yang berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih telah meminta Kementerian membekalkan baju-baju yang berwarna-warni dan lencana-lencana serta mengecat beca-beca Persatuan Beca Rodatiga-Pulau Pinang. Perlu dimaklumkan di sini Kementerian tidak dapat membekalkan baju-baju dan mengecat beca-beca seperti yang dicadangkan tersebut. Kementerian mencadangkan supaya pihak Persatuan mendapatkan penaja bagi tujuan berkenaan. Walau bagaimanapun Kementerian boleh membekalkan lencana-lencana Tahun Melawat Malaysia 1990 untuk dipakai oleh ahli-ahli persatuan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Scnator Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh mengesyorkan supaya Kementerian mewujudkan satu pusat kebudayaan yang lengkap bagi tempoh jangka panjang untuk menonjolkan semua kebudayaan dan kesenian desa sebagai daya tarikan pelancong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian pada

masa ini sedang mengubahsui dua buah bangunan untuk dijadikan tempat bagi menyelaraskan dan mengadakan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan Malaysia untuk tarikan pelancong sama, ada dari dalam mahupun dari luar negeri iaitu Dewan Tuanku Abdul Rahman dan Kompleks Budaya Negara yang mana dijangka siap pada pertengahan tahun ini. Semua aktiviti tarian dan sebagainya akan digiatkan melalui kedua-dua tempat yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lim Heng Tee memberi pandangan bahawa tujuan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia bukan kerana tarikan-tarikan alam semula jadi dan pantai-pantai yang indah, tetapi adalah kerana sifat-sifat kebudayaan rakyat Malaysia yang berlainan dan menarik. Oleh itu bantuan hendaklah diberikan bagi memperkembangkan budaya-budaya rakyat Malaysia. Perlu saya ayatakan di sini bahawa faktor kebudayaan adalah merupakan salah satu tarikan pelancong-pelancong ke negara ini. Ini adalah kerana pelancong yang datang ke Malaysia tiap-tiap tahun mempunyai cita rasa yang berlainan. Malaysia mempunyai alam semula jadi yang menarik seperti Taman Negara, Gua Niah di Sarawak dan lain-lain di samping keindahan pantai-pantainya di Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Langkawi dan Pulau Pinang serta tempat-tempat yang lain. Tempat-tempat ini telah menjadi tumpuan pelancong asing tiap-tiap tahun. Di samping itu kedatangan pelancong juga adalah kerana terdapatnya aktiviti-aktiviti tertentu yang dianjurkan selain daripada aktiviti kebudayaan. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menjadikan kebudayaan Malaysia sebagai satu tarikan utama pelancong. Dalam hal ini Kementerian dari sejak dahulu lagi telah memberi bantuan kepada badan-badan

kebudayaan dan kesenian bagi mempergiat dan memperkembangkan kegiatan tersebut. Bantuan ini adalah berupa khidmat nasihat dan juga kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran yang membina mengenai peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Semua pandangan dan teguran ini akan diambil perhatian dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberi jawapan.

**4.07 ptg.**

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada beberapa orang Yang Berhormat Senator yang telah menunjukkan minat dengan membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pertahanan.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang dibangkitkan itu kerana ada di antara persoalan yang ditimbulkan semasa perbincangan itu telahpun dijawab pada masa-masa yang lepas sama ada semasa Jawab Mulut dan juga ketika menggulung perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar bin Haron, Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim serta

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby masing-masing menyentuh soal kebajikan bekas-bekas tentera yang telah banyak berjasa kepada tanahair.

Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim telah sekali lagi membangkitkan beberapa perkara yang sama yang pernah beliau membangkitkan semasa perbahasan Titah DiRaja pada bulan Mac 1988. Di antara perkara yang dibangkitkan semula pada perbahasan tahun ini ialah:

- (i) Masalah pengiktirafan tred oleh badan-badan pengiktirafan terhadap kemahiran tred Angkatan Tentera.
- (ii) Tabung pusingan bagi membantu bekas perajurit berniaga.
- (iii) Bancian untuk bekas perajurit.
- (iv) Bantuan kewangan untuk Persatuan Bekas Perajurit,
- (v) Keutamaan mendapatkan kontrak untuk bekas perajurit dengan Kementerian Pertahanan.
- (vi) Peranan serta tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan serta beberapa perkara lain yang berkaitan dengan bekas-bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kebanyakan perkara yang disentuh ini telahpun dijawab pada Mesyuarat di sesi yang lepas tetapi biarlah sekali lagi saya menjawab beberapa kemusykilan yang dibangkitkan itu.

Mengenai pengiktirafan kemahiran pertukangan sebagaimana yang telah dijelaskan di masa-masa yang lepas, iaitu bagi mengatasi masalah pengiktirafan oleh Badan Pengiktirafan Awam, Kementerian ini telah membentuk satu jawatankuasa di peringkat Kementerian ini untuk mengkaji dengan teliti mengenai kemahiran-kemahiran tred yang berkaitan dalam Angkatan Tentera dengan tred yang hampir dengan sektor awam.

Jawatankuasa tersebut antara lain terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pihak Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Oleh kerana masalah pengiktirafan ini telahpun berlarutan begitu lama maka kajian iai akan mengambil masa sebelum apa-apa cadangan untuk pengiktirafan tred-tred yang berkenaan.

Mengenai Tabung Pusingan, saya berpendapat adalah tidak begitu tepat untuk kita mengkaitkan pengendalian kursus-kursus yang bercorak keusahawanan untuk bakal bekas-bekas perajurit yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan dengan cadangan supaya diwujudkan Tabung Pusingan bagi bekas perajurit untuk membantu mereka menjalankan perniagaan. Peranan Kementerian memberi persediaan pada bekas perajurit seharusnya menjadi peransang serta galakan untuk mencebur diri dalam bidang perniagaan. Kerajaan pada masa ini mempunyai institusi kewangan yang cukup untuk menampung usahawan yang baru termasuk bekas-bekas perajurit bagi mendapatkan khidmat dan bantuan kewangan. Di samping itu, institusi kewangan swasta juga dapat menampung keperluan permintaan bantuan kewangan bagi usahawan-usahawan. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa tanpa diwujudkan Tabung Pusingan tersebut, ramai bekas perajurit menganggur sebagaimana yang diayatakan oleh Yang Berhormat.

Mengenai Tabung Pusingan ini, adalah disyorkan pihak Persatuan Bekas Perajurit sendiri dapat menubuhkan satu Tabung Pusingannya sendiri bagi membantu ahli mereka untuk berniaga dengan memperoleh bantuan dari punca-punca lain selain dari bantuan Kerajaan. Ini termasuk derma dari orang perseorangan, syarikat perniagaan/perusahaan dan dari derma-denna kutipan Hari Pahlawan yang diadakan pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bancian untuk bekas perajurit, sebagaimana yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan berpendapat untuk menjalankan satu pembancian mengenai kedudukan ekonomi dan sosial bekas perajurit, memang memerlukan belanja yang besar, lebih-lebih lagi bancian ini melibatkan lebih setengah juta bekas anggota tentera dan keluarga. Kementerian Pertahanan masih belum bercadang untuk membuat bancian tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang sumbangan dari Kerajaan untuk Wisma Pahlawan dan mengharapkan agar Kerajaan terus membantu Persatuan tersebut. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana menghargai sumbangan Kerajaan secara langsung kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia seperti sumbangan derma pembinaan Wisma Pahlawan dan lain-lain sumbangan seperti Yang Berhormat sedia maklum. Dengan pemberian derma tersebut, satu Lembaga Pemegang Ananah Wisma Pahlawan telah ditubuhkan dan ianya diharap menjadi punca pendapatan yang berterusan kepada Persatuan Bekas Perajurit ini.

Di samping itu, saya ingin menegaskan bahawa sokongan tidak langsung Kerajaan terhadap bekas perajurit seperti melalui kutipan derma rayuan Hari Pahlawan yang mana perolehan derma tersebut dikecualikan dari cukai. Kutipan derma rayuan Hari Pahlawan yang disokong oleh Kerajaan telah dapat mempertingkatkan kutipan di mana pada tahun 1988 kutipan telah bertambah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Mengenai tiada sumbangan dari Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Senator adalah tidak benar. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pada tahun 1981 dengan kelulusan Kerajaan, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS)

telah menyumbangkan sebanyak \$1 juta untuk kegunaan kebajikan bekas perajurit yang dikendalikan oleh satu Lembaga Amanah yang bernama Tabung Amanah PBPM/MAS. Dengan sumbangan-sumbangan yang nyata dan yang tidak nyata seperti tersebut, Kerajaan berharap PBPM boleh berdikari dari segi kewangan supaya dengan itu dapat memberi manfaat kepada bekas perajurit tanpa mengharapkan peruntukan khas dari Kerajaan.

Mengenai Kerajaan tidak mengutamakan syarikat-syarikat yang dipunyai oleh bekas perajurit untuk mengikut kontrak dengan Kerajaan terutama dengan Kementerian Pertahanan, masalah yang dibangkitkan ini adalah tidak benar dan amat mengelirukan, kerana buat masa ini kontrak-kontrak kecil seperti potong rumput sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhonnat semangnya diberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bekas perajurit yang mampu mengendalikan kerja-kerja berkenaan.

Dalam hubungan ini, Kementean sentiasa menimbangkan kemudahan-kemudahan untuk bekas perajurit. Mana-mana permohonan dari bekas perajurit akan dipertimbangkan dengan saksama. Keutamaan akan diberi jika tawaran harga bagi satu-satu kontrak itu bersamaan atau setanding dengan lain-lain penender berupaya melaksanakan kontrak yang akan ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada perbahasan Titah Di Raja tahun ini, nampaknya sekali lagi Yang Berhormat Senator Abdul Hamid Ibrahim mempertikaikan peranan bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat inginkan supaya Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan dikendalikan oleh bekas perajurit dan mempersoalkan keputusan Kerajaan terhadap penubuhannya pada tahun 1968. Adalah tidak wajar dibangkitkan keputusan Kerajaan tersebut tentang siapa yang harus mengendalikan bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit kerana urusan satu-satu jabatan itu-adalah tanggungjawab Kerajaan. Peranan yang dimainkan oleh bahagian tersebut adalah untuk merancang dan melaksanakan latihan peralihan bagi bakal-bakal bekas perajurit di samping fungsi-fungsi kebajikan yang lain untuk bekas-bekas perajurit. Adalah tidak wajar sama sekali urusan mereka yang masih dalam perkhidmatan dikendalikan oleh mereka yang bukan dari kaki-tangan Kerajaan.

Mengenai kemunculan pelbagai persatuan yang bercorak persatuan bekas perajurit, Kementerian menyedari akan gejala ini. Kementerian Pertahanan hanya mengiktirafkan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sebagai persatuan induk atau nasional yang mewakili keseluruhan bekas-bekas.perajurit di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Jaafar Harun ingin tahu perkembangan kehilangan pesawat TUDM di Laut China Selatan yang berlaku pada tahun lepas. Untuk makluman Yang Berhormat, penyiasatan - terhadap kemalangan kini dalam peringkat akhir di dalam Lembaga Penyiasatan TUDM. Keputusan akan dapat diketahui apabila penyiasatan telah selesai dijalankan. Pemeriksaan terhadap jet-jet pejuang Skyhawk yang diberhentikan penerbangannya sejak Oktober, 1988 telah menjalani pemeriksaan teknikal yang rapi oleh TUDM sendiri dan Syarikat AIROD Sdn. Bhd. dan menunjukkan pesawat berkenaan masih boleh beroperasi sepenuhnya. Jet-jet pejuang tersebut dijangka akan beroperasi semula pada bulan April ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Angkatan Tentera kita mempertingkatkan latihan, di sini suka saya jelaskan bahawa Angkatan Tentera kita sentiasa menjalankan latihan bagi mengekal dan raempeir-tingkatkan lagi kecekapan dan tahap professionalismnya. Latihan adalah satu perkara yang mesti sebagai persiapan untuk perang konvensional dan menentang insurgensi.

Keupayaan Angkatan Tentera kita telah dirancang supaya kekuatannya memenuhi kehendak mempertahankan kepentingan negara. Peringkat keupayaan ini sentiasa dijalankan melalui latihan di antara ketiga-tiga perkhidmatan iaitu perkhidmatan Tentera Darat, Laut dan Udara. Dalam usaha kita merabantu dasar luar negara untuk mewujudkan keamanan serantau maka Malaysia telah mengadakan hubungan ketenteraan secara dua hala (bilateral) dengan negara-negara ASEAN dalam bentuk kerjasama di bidang operasi dan latihan. Latihan-latihan ini bukan sahaja boleh meningkatkan kecekapan, juga mendedahkan Angkatan Tentera Malaysia dengan penggunaan senjata-senjata moden selaras dengan perkembangan teknologi pertahanan yang pantas.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan. Kepada mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab pada kali ini, akan dikaji oleh Kementerian dan akan diberi perhatian yang sewajarnya jika didapati sesuai, demi untuk kebaikan Kementerian khasnya dan negara amnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang dipersilakan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menggulung.

**4.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok, Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan. Di Raja, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tiong Hew King dan Yang Berhormat' Senator Puan Hajjah Habidah Jusoh telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pelaburan.

Yang Berhormat Senator Tiong Hew King telah meminta Kerajaan memberikan peluang, galakan dan kemudahan yang secukupnya kepada usahawan tempatan sepertimana yang diberikan kepada pelabur luar negeri.

Tuan. Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tiong Hew King, Kerajaan tidak pernah memberikan layanan yang berbeza di antara pelabur asing dan tempatan. Segala peluang, kemudahan dan galakan cukai yang ditawarkan oleh Kerajaan pada masa ini adalah terbuka kepada semua pelabur. Kerajaan tidak pernah mengamalkan sebarang diskriminasi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Habidah Jusoh pula telah mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuana berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di negeri-negeri kurang maju seperti Terengganu. Dalam perkara ini, sukalah saya menjelaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan, terutama sekali dalam bentuk pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% bagi lokasi dan Elaun Cukai Pelaburan dengan kadar 5% berasaskan kriteria lokasi adalah bertujuan untuk menggalakkan para pelabur menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan perindustrian yang digalakkan.

Untuk menambahkan tarikan, setiap Kerajaan Negeri perlulah mengambil inisiatif memberi galakan-galakan tambahan, jika apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan didapati belum cukup menarik kerana Kerajaan Negeri harus sedar bahawa terdapat persaingan daripada negeri-negeri lain untuk menarik pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Habidah juga telah meminta supaya Kerajaan mengurangkan 'red tape' dan interaksi yang terlalu banyak daripada agensi-agensi Kerajaan dengan pihak pengilang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan menyedari perkara ini dan ingin menyatakan bahawa memang benar 'red tape' yang keterlaluan dalam memproses permohonan-permohonan untuk kelulusan projek boleh mengurangkan minat pelabur-pelabur untuk melabur di sesebuah negara.

Menyedari hakikat ini maka Kementerian saya ada mempunyai sebuah Jawatankuasa yang telah lama ditubuhkan khusus untuk mengkaji dari masa ke semasa prosedur-prosedur pentadbiran, perundangan perundangan yang dianggap boleh menyusahkan para pelabur dan pihak

swasta amnya di dalam perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian ini.

Di antara usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian. saya di dalam mengurangkan karenah pentadbiran ialah menyelaraskan prosedur-prosedur untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi penubuhan projek-projek perindustrian.

Seterusnya, mulai 1hb Oktober, 1988 yang lalu, pihak Kerajaan telah juga memutuskan supaya MIDA berfungsi sebagai- sebuah Pusat Pelaburan (COI). Pusat Pelaburan ini adalah bertujuan bagi memudahkan serta mempercepatkan para pelabur mendapatkan kebanyakan daripada keluluaan yang diperlukan bagi aktiviti pengilangan di peringkat Persekutuan dan dengan cara ini akan dapat mengurangkan 'red tape" yang terjadi di antara agensi-agensi Kerajaan dengan pihak pengilang.

Sementara itu pihak Kerajaan Negeri juga telah diminta menubuhkan Pusat Pelabur (COI) yang sama, bagi memudahkan lagi pemberian kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Tuati Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan. kepada perkara beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menjawab.

**4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

mohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan dan penerangan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang perbincangan atas Titah Ucapan Di-Raja yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah menyarankan agar FELDA hendaklah memberikan penyertaan kaum ataupun 'ethnic representation' kepada masyarakat India dalam pengambilan para peneroka di rancangan tanah FELDA. Mengenai perkara ini, sukalah saya menjelaskan iaitu peluang untuk menjadi peneroka di rancangan-rancangan tanah FELDA adalah terbuka kepada semua kaum. Bagi proses pemilihan peneroka ianya dibuat melalui Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan kriteria-kriteria ataupun asas-asas seperti tidak mempunyai tanah, sihat tubuh badan, berkeluarga dan sangat berminat di bidang pertanian.

Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu sehingga 31hb Disember, 1988 penyertaan kaum India di dalam rancangan tanah FELDA adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah permohonan ataupun jumlah yang memohon ialah 2,753 orang.
- (ii) Bilangan yang berjaya dalam temuduga: 2,274 orang.
- (iii) Bilangan yang masuk menjadi peneroka setelah berjaya 1,803 orang.
- (iv) Bilangan yang masih ada dalam senarai menunggu 471 orang.
- (v) Bilangan yang tidak berjaya atau tidak melaporkan diri setelah berjaya dalam temuduga ada seramai 251 orang.
- (vi) Bilangan yang keluar secara sukarela ataupun disingkirkan ialah 228m orang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat telah mencadangkan supaya lebih ramai lagi pesara-pesara diberi peluang atau tempat di rancangan-rancangan pembangunan tanah terutama di rancangan tanah FELDA.

Mengenai perkara ini suka saya jelaskan iaitu mengikut dasar yang ada sekarang **ini**, had umur bagi calon-calon peneroka adalah di antara 18 hingga 35 tahun. Walau bagaimanapun, kelonggaran ada diberikan kepada bekas-bekas pesara tentera dan polis di mana had umur yang ditetapkan adalah sehingga 40 tahun. Ini adalah disebabkan mereka dianggap masih berkeupayaan untuk bekerja di ladang-ladang dan boleh menjelaskan bayaran pinjaman kembali dalam tempoh 15 tahun seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah telah membangkitkan mengenai tiga perkara. Pertama sekali ialah tentang jalan dari simpang FELDA Taib Andak hingga ke Ulu Tebrau sejauh 7 kilometer didapati telah rosak dan beliau telah mendakwa sejak 10 tahun yang lalu, pihak berkuasa hanya menampal sahaja jalan yang rosak dan tiada usaha untuk memulihkannya.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan jalan daripada simpang FELDA Taib Andak ke Ulu Tebrau adalah di bawah penjagaan Unit Jabatan Kerjaraya KEJORA. Bagi FELDA kita hanya mengemukakan senarai jalan-jalan untuk dibaiki dan tugas merabaiki dilaksanakan oleh pihak' JKR berkenaan. Walau bagaimanapun, jalan tersebut telah pun disenaraikan untuk diperbaiki dalam tahun 1989 ini.

Yang kedua ialah mengenai jalan-jalan di kawasan rancangan tanah FELDA Pasir Raja yang dikatakan tidak diturap dengan tar sejak rancangan tersebut dibuka 20 tahun yang lalu. Saya jelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah berapa tepat kerana jalan rancangan tanah FELDA Pasir Raja sepanjang 7.7 kilometer telah pun diturap sepanjang 2.48 kilometer dan bakinya, insya Allah, kita akan cuba ansur dari satu masa ke satu masa.

Perkara ketiga yang dibangkitkan ialah tentang proses pengeluaran hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih di atas kesedaran Yang Berhormat mengenai perkara ini. Kita memang berhasrat untuk tidak melambatkan proses pengeluaran hakmilik ini. Pokoknya pertama sekali apabila peneroka-peneroka telah menyelesaikan bayaran kembali yang dikenakan kepada mereka itu dalam tempoh 15 tahun. Selepas itu pihak FELDA akan menguruskan dengan pihak berkuasa negeri supaya hakmilik ke atas tanah-tanah yang telah pun diselesaikan bayaran kembali itu dikeluarkan seberapa cepat yang boleh. Proses penguurusan ini saya jelaskan memakan masa di antara 6 bulan hingga ke setahun. Dan kita di FELDA telah cuba mencari jalan untuk membantu pihak berkuasa negeri di dalam memproses pengeluaran hakmilik kepada peneroka-peneroka ini. Dan kita telah pun mula membuat dan membantu pihak berkuasa negeri di negeri Johor untuk mempercepatkan usaha-usaha untuk mengeluarkan hakmilik kepada peneroka-peneroka yang telah pun menjelaskan bayaran kembali mereka. Dan oleh kerana proses ini merupakan satu proses yang berterusan dan

dan berlanjutan mengikut penyelesaian bayaran kembali oleh peneroka-peneroka dari satu masa ke satu masa, kita fikir kerjasama yang telah pun kita asaskan dan mulakan dengan Kerajaan Negeri Johor itu boleh kita perpanjangkan kepada pihak-pihak berkuasa di negeri-negeri yang lain. Dan oleh kerana itu saya fikir tidak perlulah kita menubuhkan sebuah unit di peringkat Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk membuat kerja-kerja yang sama kerana semua butir-butir dan rekod-rekod tentang proses pengeluaran hakmilik ini ada disimpan oleh Ibupejabat FELDA yang kemudiannya diselaraskan dengan pihak berkuasa negeri melalui Pejabat Tanah Daerah.

Saya terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan supaya kita jangan mengeluarkan hakmilik yang telah dikeluarkan itu lebih daripada satu. Hemanglah pihak Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk berbuat demikian dan sebenarnya kita telah pun membuat suatu pengkajian secara menyeluruh tentang masa depan FELDA kita ini khususnya yang ada hubung kait dengan surat hakmilik yang dikeluarkan kepada peneroka-peneroka. Dan kita suka melihat supaya hakmilik yang telah dikeluarkan kepada peneroka-peneroka itu dapat kekal selama-lamanya kepada mereka dan dapat diuruskan dengan lancar, dengan licin supaya memberikan seberapa banyak manfaat yang mungkin kepada peneroka-peneroka kita; dan seboleh-bolehnya kita akan cuba mengatasi apa juga perkara dan persoalan yang dibangkitkan oleh peneroka-peneroka dari satu masa ke satu masa berhubung dengan soal hakmilik yang telah dikeluarkan kepada mereka itu dan di atas hasrat atau keinginan mereka untuk memecah-mecahkan hakmilik ataupun surat hakmilik yang telah diberikan kepada mereka itu.

Akhir sekali, suka saya jelaskan sedikit tentang soal pengeluaran hakmilik ini juga. Kadangkala yang menjadi lewat sedikit pengeluaran suratan hakmilik ini selain daripada proses pengurusan yang dibuat oleh FELDA dan juga oleh pihak-pihak berkuasa negeri; ada di kalangan ataupun ada sebilangan kecil daripada peneroka-peneroka ini yang enggan untuk menandatangani satu perjanjian yang kita namakan sebagai "Perjanjian Selepas Menerima Hakmilik". Kumpulan-kumpulan inilah di dalam FELDA yang kadangkala menimbulkan sedikit masalah dalam usaha kita untuk hendak mengeluarkan suratan hakmilik ini. Kita tidak akan mengeluarkan suratan Hakmilik itu walaupun mereka telah menyelesaikan bayaran kembali selagi mereka tidak menandatangani "Perjanjian Selepas Hakmilik" sepertimana yang ditetapkan di dalam perjanjian yang telah pun dibuat di antara peneroka-peneroka FELDA dengan pihak berkuasa FELDA itu sendiri. Dan kita akan memberikan penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan kepada mereka ini tentang untung-ruginya mereka untuk faham dan mengikuti sebahagian besar daripada rakan-rakan mereka yang telah pun mengikuti kandungan-kandungan yang terdapat di dalam perjanjian di antara peneroka dengan pihak berkuasa FELDA.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit penerangan dan penjelasan yang suka saya berikan kepada Ahli-ahli Yang .Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara di sepanjang perbahasan di atas Titah Ucapan Di-Raja ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri Pertanian.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alesander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin yang telah menyentuh tentang kejayaan MARDI, khususnya di bidang teknologi makanan. Di dalam bidang ini MARDI telah berjaya membangunkan beberapa usahawan kecil yang mengeluarkan produk-produk tradisional seperti keropok, sos, produk dari kacang soya dan lain-lain melalui kursus dan bimbingan bagi menghasilkan keluaran yang bermutu tinggi dan seterusnya menambah ruang pasaran bagi keluaran-keluaran tersebut,

Hasil dari penyelidikan dan teknologi baru yang diperkenalkan oleh MARDI juga membolehkan produk seperti tepung santan, jus buah-buahan, kordial limau kasturi, jus asam jawa dan kordial belimbing di eksport ke luar negeri,

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon mengenai bantuan untuk membangukan industri buah-buahan dan cadangan menubuhkan Institut Buah-buahan, terlebih dahulu saya memaklumkan bahawa pada masa ini terdapat beberapa syarikat swasta yang terlibat dalam industri buah-buahan secara besar-besaran.

Mengenai cadangan supaya bantuan diberi untuk membangunkan industri buah-buahan, sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan menyediakan beberapa insentif dan galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk kemudahan-kemudahan seperti taraf perintis, elaun eksport dan elaun pertanian. Di samping itu Kerajaan melaksanakan program

penanaman buah-buahan secara berkelompok bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran pekebun kecil.

Berhubung dengan cadangan menubuhkan sebuah Institut Buah-buahan pula, ingin saya menjelaskan bahawa sudah sedia ada badan iaitu Majlis Industri Buah-buahan. yang telah ditubuhkan pada tahun 1987, bagi tujuan menjaga kepentingan industri buah-buahan di samping mempergiatkan pembangunannya. Selain daripada itu, MARDI adalah terlibat secara langsung dalam aspek penyelidikan buah-buahan dan Jabatan Pertanian menyediakan khidmat-khidmat sokongan seperti kemudahan latihan dan pengembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab di Dewan yang mulia ini. Kementerian Pertanian akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan. Lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi cadangan-cadangan dan komen-komen kepada pegawai-pegawai dalam Kementerian saya. Sekianlah jawapan saya bagi pihak Kementerian Pertanian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri Pendidikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan saranan untuk memperkemaskan lagi perjalanan atau aktiviti Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat Senator Dr, Tan Chong Keng mengenai kekurangan bilik darjah akibat daripada pertaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Keraenterian. Pendidikan telah dan sedang mengambil tindakan meluluskan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah yang memerlukan bilik darjah ini di seluruh negara. Setakat ini, Kementerian Pendidikan telah membina lebih dari 5,000 buah bilik darjah dengan peruntukan lebih dari \$150 juta. Pembinaan bilik-bilik darjah tersebut adalah seperti berikut. Satu, projek segera iaitu secara-gotong-royong, projek kerja kecil. Projek yang kedua ialah projek biasa yang dilaksanakan melalui Jabatan Kerjaraya.

Isu yang kedua yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi ialah elaun khas bagi guru-guru bahasa Mandarin. Perlu ditegaskan di sini bahawa kesemua guru-guru bahasa sama ada guru Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin bahasa Tamil adalah dilatih oleh Kementerian Pendidikan untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut di dalam jadual waktu biasa sekolah. Oleh itu, isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut tidak timbul. Isu seterusnya yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini ialah latihan guru untuk pelaksanaan KBSM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1989 peruntukan sebanyak \$10 juta telah diluluskan bagi melaksanakan program-program KBSM termasuk Kursus, Orientasi Kakitangan Sumber dan guru-guru bagi semua matapelajaran yang terlibat. Beliau seterusnya menggesa supaya peruntukan yang seimbang diberikan kepada semua jenis sekolah rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak wujud perbezaan dalam pemberian bantuan kewangan di sekolah rendah. Peruntukan kewangan adalah berdasarkan bilangan murid di sesebuah sekolah itu.

Yang Berhormat Senator Dr. Tan Chong Keng juga telah menyarankan supaya peruntukan dan kemudahan ditambah bagi sekolah-sekolah di desa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan bagi sekolah-sekolah di luar bandar atau di desa sentiasa diberi perhatian. Bantuan kewangan dan kemudahan di sekolah-sekolah tersebut adalah berdasarkan saiz sekolah yang berkenaan. Jadi Kementerian Pendidikan sentiasalah bersikap adil dalam menyediakan peruntukan kepada semua sekolah termasuk peruntukan bagi sekolah-sekolah kita di desa. Beliau juga menyarankan supaya guru yang tidak mempunyai kelayakan bahasa Mandarin ditarik balik daripada mengajar di SRJK(C) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang tidak berkelayakan dalam bahasa Mandarin akan tetap dikekalkan di SRJK(C) kerana tenaga mereka masih diperlukan untuk mengajar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Ini disebabkan mereka adalah guru-guru terlatih dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan G. Rajoo mencadangkan isu supaya buku-buku teks bahasa Inggeris bagi tahun 3 dan ke-5 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil disenaraikan dalam judul-judul teks sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam kurikulum baru sekolah KBSR, matapelajaran bahasa Inggeris tidak diajar di tahun 1 hingga tahun 3. Bagi tahun 4, matapelajaran bahasa Inggeris diajar secara informal dan Kementerian Pendidikan ada menyediakan buku bacaan untuk tujuan tersebut.

Mengenai isu buku bahasa ibunda, Kementerian Pendidikan sedang merancang program untuk menilai semula buku-buku teks bagi semua matapelajaran KBSR termasuklah buku-buku teks yang digunakan

di sekolah SRJK(C) dan SRJK(T).

Yang Berhormat itu tadi juga telah menimbulkan isu berhubung dengan pengwujudan sekolah satu sesi khususnya di sekolah-sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang merancang untuk menjadikan tiap-tiap sekolah sebagai sekolah aatu sesi sahaja. Kejayaan rancangan ini bergantunglah kepada peruntukan kewangan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan. Namun demikian, kebanyakan sekolah-sekolah di tubuhkah adalah merupakan sekolah-sekolah satu sesi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan kelas-kelas dari sekolah-sekolah yang tergendala dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, uhtuk makluman. sememangnya benar bahawa faktor seperti kewangan dan proses-proses tender telah menyebabkan tergendala pembinaan kelas-kelas di sekolah-sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam Rancangan Malaysia seterusnya, keutamaan akan diberi kepada usaha untuk meneruskan supaya projek-projek pembinaan kelas-kelas dan sekolah-sekolah yang tergendala terutamanya sekolah-sekolah yang mempunyai dua sidang.

Ahli Yang Berhormat seterusnya juga menggesa agar status Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil bantuan modal ditukar kepada bantuan penuh dengan cara Kerajaan membeli tapak-tapak sekolah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan masih berpegang kepada peraturan yang sedia ada kerana sebarang pertukaran sesuatu sekolah itu akan menimbulkan berbagai masalah. Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kewujudan sekolah-sekolah tersebut adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1961.

Mengenai isu dua skim perkhidmatan guru terutamanya guru-guru B1 dan B2 juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan sedang pada masa kini menimbangkan kedudukan guru-guru berkenaan dan menguruskan keadaan dalam skim tersebut. Ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya kenaikan pangkat bagi guru-guru SRJK(T) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil cuma diberi kepada guru-guru beroption Tamil dan supaya guru-guru yang tidak boleh berbahasa Tamil ditukarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak lagi mencalonkan guru-guru yang tidak beroption Tamil untuk kenaikan pangkat di SRJK(T). Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak boleh menukarkan guru-guru yang tidak boleh berbahasa Tamil dari SRJK(T) kerana guru-guru tersebut juga diperlukan untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran lain seperti Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh di atas sokongan Yang Berhormat terhadap usaha Kementerian Pendidikan ini dalam menambahkan kelas-kelas ugama Islam dan bahasa Arab di sekolah-sekolah.

Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk mengadakan sistem pendidikan yang bersepadu untuk membentuk rakyat seimbang dari segi rohani dan jasmani sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Menyentuh saranan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan supaya Rukunegara dijadikan sebagai bahan kajian di dalam kurikulum, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menjadikan Rukunegara sebagai asas pembinaan kurikulum kita. Jadi Rukunegara telah dijadikan landasan dan juga digunakan dalam pembentukan falsafah pendidikan negara yang merupakan tunggak dan teras kurikulum kita.

Dari segi matapelajaran pula, kurikulum sejarah telah dibina dengan matlamat untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Nilai-nilai murni merentas kurikulum yang menyepadukan semua matapelajaran, memperkukuhkan lagi prinsip-prinsip Rukunegara dengan mengarahkan seluruh kurikulum kepada melahirkan warganegara yang mempunyai syaksiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah menimbulkan masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dan sebanyak 22 projek bangunan tambahan yang mengandungi 214 bilik darjah sedang diusahakan di beberapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan bagi mengatasi masalah kekurangan bilik darjah ini.

Yang Berhormat ini juga menimbulkan masalah seorang pelajar di Sekolah Menengah Vokasional di Johor Bharu yang diwajibkan oleh gurunya menghadiri usrah, syarahan, ceramah dan tahlil sehingga mengganggu pelajaran. Sebenarnya perkara ini adalah di dalam siasatan Kementerian Pendidikan untuk membolehkan tindakan yang sewajarnya diambil.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd Noor bin Haji Abdullah mahu bakal-bakal doktor wanita diwajibkan mengambil jurusan perbidanan supaya kelahiran bayi disambut oleh kaum wanita. Memang semua pelajar di peringkat Ijazah pertama dalam bidang perubatan diwajibkan mengambil kursus obstetrik dan gynaecology.

Yang Berhormat Senator Habidah Jusoh menimbulkan isu mengenai najis dadah yang telah meresap ke sekolah termasuk juga sekolah-sekolah di pendalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu tersebut memang sudah ada di dalam pengetahuan Kementerian Pendidikan sejak lama dahulu. Langkah-langkah tertentu untuk mencegah penyalahgunaan dadah ini di sekolah-sekolah telah, sedang dan akan diambil dengan berkesan. Yang Berhormat juga membangkitkan isu supaya Kementerian Pendidikan mengadakan pegawai-pegawai penyelidikan untuk membendung masalah najis dadah ini di sekolah-sekolah. Kementerian berpendapat bahawa pegawai-pegawai tersebut tidak diperlukan kerana tugas-tugas ini telah dijalankan oleh pegawai-pegawai khas anti-dadah di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan pegawai Kementerian Pendidikan di bahagian sekolah-sekolah dan juga pihak-pihak dari universiti-universiti tempatan.

Ahli Yang Berhormat ini juga telah mencadangkan supaya kurikulum pendidikan dadah diadakan di sekolah-sekolah. Untuk maklutan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun menggubalkan satu program pendidikan pencegahan dadah yang menyeluruh meliputi bidang cognitive dan psycho-motor. Jadi unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah telah dimasukkan ke dalam matapelajaran-matapelajaran tertentu khususnya matapelajaran-matapelajaran seperti pelajaran bahasa, pendidikan Islam, pendidikan moral, sains, matematik serta jasmani dan kesihatan. Guru-guru akan didedahkan dengan strategi program pendidikan pencegahan dadah ini. Para penerbit dan penulis buku teks juga telah diberi taklimat tentang strategi penyisipan unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah dalam teks-teks tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Hamid, Araby-bin Haji Md. Salih kerana sokongan Yang Berhormat terhadap kemampuan KBSM atau Kurikulum Baru Sekolah Menengah, meningkatkan keilmuan dan disiplin pelajar. Kementerian ini juga menghargai seruan beliau supaya Ahli-ahli Dewan menyokong dan menghargai usaha Kementerian Pendidikan dalam melancarkan KBSM yang bertujuan untuk melahirkan insah yang baik, Sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh beliau, Kementerian ini juga turut menyesali sikap setengah-setengah pihak yang pernah mempolitikkan isu KBSM ini yang mungkin boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Haji Mohd Salleh kerana penghargaan yang

beliau rakamkan terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh KBSR dan KBSM dan juga sokongan beliau terhadap usaha Kementerian Pendidikan ini dalam memperkukuhkan lagi dasar pendidikan kebangsaan serta mempertingkatkan lagi mutu pendidikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah menyentuh tentang perpaduan kaum di sekolah-aekolah kita. Berhubung dengan perkara ini dimaklumkan bahawa usaha untuk kita memupukkan perpaduan kaum dan integrasi nasional khususnya adalah dipertingkatkan melalui matapelajaran sejarah dan juga aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di semua peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah binti Che Mat tentang peranan pendidikan sebagai agensi yang penting bagi mengwujudkan keadilan sosial, memupukkan perpaduan, menyumbangkan kepada pembangunan negara dan pembentukan kebudayaan nasional.

Berhubung dengan perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi reformasi pendidikan adalah bertujuan di antara lainnya untuk mencapai hasrat-hasrat yang disebutkan.

Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon telah menimbulkan isu disiplin di sekolah-sekolah, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengekalkan dan memperbaiki mutu disiplin di semua institusi pendidikan di negara kita ini. Pada keseluruhannya, tindakan pihak Kementerian Pendidikan lebih mirip kepada bentuk nasihat dan amaran jika dibandingkan dengan tindakan atau hukuman yang lebih berat seperti merotan, menggantung dan membuang sekolah. Buat masa ini cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan sebuah sekolah khas yang menitikberatkan bimbingan dan kaunseling adalah tidak perlu kerana pada masa ini memang sudah terdapat guru-guru disiplin serta guru bimbingan serta kaunseling kerjaya di semua sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee juga ingin mengetahui sama ada satu Majlis Perundingan Pendidikan Negara akan ditubuhkan supaya pandangan berbagai pihak dapat diperolehi dalam kajian Akta Pelajaran 1961. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa sedar bahawa pendidikan adalah merupakan suatu perkara yang penting dalam masyarakat kita khususnya di negara ini. Oleh itu, kajian mengenai Akta Pelajaran 1961 memang memberi perhatian kepada pandangan-pandangan yang membina daripada mana-mana pihak khususnya berbubung

dengan isu-isu pokok yang sebenarnya dalam kajian tersebut.

Jawatankuasa sentiasa mengesankan pandangan-pandangan yang dikemukakan dalam media-massa oleh orang ramai dan mengkaji dengan teliti memorandum-memorandum dan usul-usul yang telah dikemukakan oleh berbagai pihak dan pertubuhan. Pihak-pihak seperti para sarjana dari universiti-universiti tempatan dan Pertubuhan-pertubuhan Guru, Pertubuhan Sosial dan Pendidikan telah dipelawa untuk memberi pandangan mengenai perkara ini. Dalam kenyataan akhbar, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 23hb Oktober, 1988, Yang Berhormat Menteri telah juga mengajak masyarakat umum turut sama membahaskan perkara ini dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pendidikan. Respond atau reaksi dari berbagai pihak ini adalah menggalakkan. Dengan demikian, penubuhan Majlis Perundingan Pendidikan Negara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan Kementerian Pendidikan mengenai perkara atau isu yang dibangkitkan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat disentuh dalam ulasan saya tadi, sebenarnya ianya adalah dalam perhatian Kementerian Pendidikan dan saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri Kewangan yang akan memberi jawapan bagi pihak Menteri Luar Negeri dan juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Persilakan.

**5.36 ptg.****Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah membuat teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan atas-Titah Ucapan Di Raja oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah menarik perhatian. Dewan kepada dua peristiwa penting iaitu Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Commonwealth dan Sukan Asia Tenggara Yang Ke-15 yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini di negara kita.

Kerajaan merakamkan penghargaan di atas ulasan mengenai pemilihan Malaysia sebagai tuanrumah kepada CHOGM dan Sukan Asia Tenggara. Sememangnya Kerajaan dan rakyat Malaysia berbangga di atas kepercayaan dan keyakinan negara-negara ahli Komanwel dan Asia terhadap Malaysia untuk mengelolakan mesyuarat dan sukan yang besar dan penting seperti ini dan pihak kita sebagai tuanrumah akan memastikan bahawa segalanya akan berjalan dengan lancar dan baik untuk mencapai setinggi kejayaan yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Habidah dari Terengganu, adalah-dipersetujui bahawa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ataupun CHOGM pada bulan Oktober tahun ini adalah penting bagi Malaysia dari semua aspek termasuk faedah-faedah yang Malaysia dapat memperoleh dari kunjungan pelawat-pelawat asing ke Malaysia di masa hadapan.

Ini adalah selaras dengan projek "Tahun Melawat Malaysia 1990". Selain daripada itu dengan kejayaan mesyuarat tersebut secara tidak langsung ada kemungkinannya pelaburan ke negara kita dapat dipertingkatkan lagi.

Persiapan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel sekarang ini berjalan dengan licin dan memuaskan. Persiapan-persiapan ini dilakukan oleh Jawatankuasa Perancang Kebangsaan yang mengandungi duabelas jawatankuasa kecil di bawahnya yang diketuai oleh Menteri Luar Negeri sendiri dan merangkumi semua aspek persidangan termasuk juga di Langkawi di mana Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan berkunjung dan bermesyuarat di sana pada 20hb hingga 22hb Oktober, 1989. Kerja tiap-tiap Jawatankuasa di atas sedang dan giat dijalankan dan telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan.

Selain dari itu sebuah Urusetia CHOGM telah ditubuhkan pada awal tahun 1988 di Kementerian Luar Negeri untuk menyelaraskan semua kerja-kerja persiapan Persidangan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (MKBB) bukan sahaja mengambil peluang ini untuk menyumbangkan tenaga ke arah menjaga kestabilan negara-negara di rantau ini, malahan kita telah berusaha untuk bersama-sama menyumbang tenaga ke arah menjaga kestabilan dan keselamatan dunia secara keseluruhannya selaras dengan peranan utama MKBB iaitu untuk menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun telah menyarankan supaya Malaysia memainkan peranan yang berkesan semasa melaksanakan tugas sebagai Presiden Majlis

Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya dapat mengharumkan lagi nama negara. Sukacita dimaklumkan bahawa keupayaan Malaysia untuk melaksanakan tugas yang berat ini telahpun terbukti pada bulan Januari tahun ini apabila kita telah memulakan keahlian kita sebagai ahli tidak tetap MKBB dan sekali gus menjadi Presiden Badan Dunia tersebut mengikut giliran yang telahpun ditentukan oleh tatacara MKBB. Sepanjang tempoh tersebut, kita telah dapat menjalankan tugas dengan licin, adil dan saksama dengan tidak menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan ahli-ahli yang lain.

Pada bulan Januari, 1989, MKBB telahpun menghadapi beberapa masalah dunia yang rumit seperti isu penembakan jatuh jet pejuang Libya oleh Amerika Syarikat, kemerdekaan Namibia dan pembaharuan mandat Pasukan Keamanan PBB di Lubnan ataupun UNIFIL. Keupayaan kita untuk melaksanakan tanggungjawab yang berat ini sebagai Presiden MKBB telah diberi penghormatan sepenuhnya oleh Ahli-ahli MKBB yang lain. Setiausaha Agung PBB sendiri telahpun mensifatkan peranan Malaysia sebagai berkesan dan dinamik. Begitu Juga dengan beberapa wakil negara-negara berkecuali dan wakil Amerika Syarikat yang telahpun menyatakan bahawa Malaysia telahpun menjalankan tugas Presiden itu, dengan izin, precision, efficiency and a sense of honour.

Pada hemat Kementerian Luar Negeri komen-komen positif seperti ini telahpun meningkatkan imej negara dan mengharumkan lagi nama Malaysia di khalayak antarabangsa. Kementerian sedar akan kebimbangan Ahli Yang Berhormat terhadap keselamatan anggota tentera kita di Namibia. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tugas dan tanggungjawab mereka di sana adalah untuk membantu proses ke arah kemerdekaan Namibia melalui pilihanraya yang bebas dan adil. Tambahan pula tentera kita melaksanakan peranan tersebut di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu di mana penyertaan kita telahpun dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat dijawab terhadap perkara-perkara yang dibangkit dan pandangan-pandangan yang telah dibuat berkaitan dengan isu-isu Dasar Luar Negeri Malaysia. Ingin saya bagi pihak Menteri yang berkenaan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun berucap mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Dasar Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung untuk menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan pula.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang telahpun membahas isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Sukacita juga saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin kerana memberi perhatian berat kepada Projek Sabah Gas Industries. Izinkan saya memberi sedikit ulasan ke atas ucapan Yang Berhormat tersebut. Kerajaan Persekutuan sedang meneliti kajian untuk menswastakan projek ini selaras dengan Dasar Penswastaaan. Seperti

yang telah diberitahu dalam Dewan ini projek ini telahpun mengalami kerugian yang besar. Walaupun pada tahun ini prestasi projek ini akan menunjukkan keuntungan, tetapi bagi tahun-tahun hadapan prestasi projek ini adalah amat bergantung kepada faktor-faktor yang sukar dipastikan dan keadaan-keadaan yang, dengan izin, 'volatile' seperti harga Methanol dan HBI di pasaran dunia serta prestasi pengeluaran loji-loji projek ini. Kerajaan akan membuat kajian menyeluruh dan teliti sebelum membuat keputusan untuk menswastakan projek ini. Segala tindakan ke arah ini adalah untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Haji Abdullah dan Yang Berhormat Dr Tan Chong Keng telah membangkitkan isu kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta di Bank Negara baru-baru ini. Saya telahpun menjawab soalan-soalan berkenaan pada 29.3.89 iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya. Bagaimanapun saya ingin menegaskan di sini sekali lagi bahawa Kementerian Kewangan melalui Bank Negara telahpun mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki sistem kawalan di dalam Bank Negara dan juga di institusi-institusi kewangan lain bagi mengelakkan berlakunya penipuan-penipuan di masa hadapan. Bagi Bank Negara misalnya sebuah firma perunding telahpun dilantik untuk mengkaji kelemahan dan memperbaiki sistem kawalan dalamnya yang sedia ada. Bagi institusi-institusi kewangan yang lain pula ia telahpun diarah supaya menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan untuk memperbaiki sistem kawalan dalaman mereka. Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa apa jua yang kita rangkakan dan laksanakan ia tidak dapat menjamin perlindungan dengan sepenuhnya, hanya kejujuran dan amanah jua yang dapat menyelamatkan sesuatu yang kita cuba selamatkan itu.

Yang Berhormat. Dr Tan Chong Keng sekali-lagi telahpun mencadangkan supaya Kementerian Kewangan mengeluarkan garis-panduan-garis-panduan kepada bank-bank mengenai pinjaman. Ingin saya jelaskan bahawa peraturan yang sedia ada telahpun memberi perhatian ke atas perkara ini di mana pinjaman kepada syarikat-syarikat milik asing adalah dikawal oleh Bank Negara. Dalam hubungan ini sesebuah bank tempatan yang ingin memberi pinjaman kepada syarikat yang dikuasai 51% atau lebih oleh pelabur asing dikehendaki mendapat kelulusan daripada Bank Negara terlebih dahulu. Dengan demikian pinjaman bank yang diberi kepada pelabur-pelabur asing adalah terkawal dan pengusaha-pengusaha tempatan tidak perlu bimbang mengenai kemudahan sumber pembiayaan untuk mereka.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah telahpun mencadangkan supaya dikurangkan cukai pendapatan, cukai korporat dan cukai pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menurunkan cukai pendapatan perseorangan. Kadar yang dikenakan bergantung bukan sahaja kepada pendapatan seseorang tetapi juga jumlah anak setiap pembayar cukai mendapat potongan ke atas seperti berikut:-

Diri sendiri	\$4,000
Saudara tanggungan	\$1,000
Isteri tidak bekerja	\$2,000
Anak-anak (maksima 5):	
Anak Pertama	\$ 650
Anak Kedua	\$ 750
Anak Ketiga	\$ 800
Anak Keempat	\$ 800
Anak Kelima	\$ 800
Termasuk anak 'incapacitated'	\$ 400.

Maknanya, jika seseorang itu berpendapatan kurang daripada \$9,000 setahun dan mempunyai lebih daripada 3 orang anak, maka ianya tidak akan dikenakan apa-apa cukai. Sekiranya ia berpendapatan lebih daripada \$9,000 setahun dan ia juga mencarum di KWSP dan membayar zakat dan fitrah serta mengambil polisi insurans, maka ia akan mendapat potongan ke atas caruman dan bayaran zakat tersebut. Mengenai bayaran zakat, ia adalah 100% dikecualikan daripada cukai. Sekiranya pembayar tersebut membayar zakat \$200 setahun ia akan mendapat pelepasan \$200 daripada cukai pendapatan.

Mengenai cukai korporat pula, dalam Ucapan Belanjawan 1989 Yang Berhormat Menteri Kewangan, Pato Paduka Daim Zainuddin telahpun mengurangkan kadar cukai syarikat daripada 40% kepada 35% berkuatkuasa dari tahun taksiran 1989, iaitu tahun ini. Di samping itu, syarikat-syarikat kecil bertaraf printis akan menerima kemudahan potongan cukai yang banyak. Bagi syarikat kecil, elaun pelaburan semula dinaikkan daripada 40% ke 50%.

Mengenai cukai pembangunan, cukai pembangunan sebanyak 5% yang dikenakan ke atas syarikat dimansuhkan secara beransur-ansur dengan pengurangan sebanyak 1% mulai tahun taksiran 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Haji Abdullah telah membangkitkan masalah perjudian. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu persatu kerana pada tengahari ini Timbalan Menteri Kewangan, iaitu Yang Berhormat Tuan Loke, rakan sejawat saya, telahpun menjawab soalan ini dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telahpun dijelaskan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan memang memandang berat terhadap masalah perjudian ini. Jemaah Menteri telahpun memutuskan untuk mengkaji masalah ini dan akan membuat keputusan mengenainya tidak lama lagi.

Dalam pada **itu**, Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi perkembangan aktiviti perjudian ini dari masa ke masa.

Seperti yang telah diumumkan pada 7hb Mac, 1989 Kerajaan akan mengambil beberapa tindakan untuk mengawal kegiatan perjudian ini. Di antara langkah-langkah yang diambil telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Tuan Loke pada tengah hari tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin mengulangi sekali lagi untuk faedah kita bersama:

- (i) lesen baru bagi kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan;
- (ii) Kerajaan tidak akan meluluskan perlantikan agen-agen baru kepada pihak-pihak yang sekarang ini menjalankan segala kegiatan perjudian;
- (iii) syarat-syarat pengendalian mesin slot sedang diperketatkan dan kira-kira 70% daripada lesen-lesen mesin slot yang telahpun dikeluarkan akan ditarik balik saya ulangi, akan ditarik balik;
- (iv) Kerajaan tidak akan meluluskan sebarang premis baru bagi pusat pertaruhan, dengan izin, 'off course betting' untuk syarikat Ascot Sports;
- (v) tindakan sedang diambil untuk mengawal kegiatan Ioteri Bigsweep dengan mengurangkan bilangan cabutan dan mengena-kan syarat-syarat yang lebih ketat; dan
- (vi) Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama rapat dengan pihak polis untuk memastikan syarat-syarat lesen perju- dian dipatuhi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan-soalan lain yang dibangkitkan mengenai perjudian yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga soalan-soalan lain yang tak sempat saya jawab, suka- lah saya nyatakan bahawa semua cadangan-cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun diambil ingatan dan makluman oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sambung menjawab bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian yang telahpun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah membahaskan beberapa perkara berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan G. Rajoo ada membangkitkan mengenai Tabung Pusingan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan wang sejumlah \$10 juta itu telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17hb Disember, 1975. Peruntukan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah adalah khusus untuk satu program membantu rakyat berpendapatan rendah supaya menikmati peluang mendapat pinjaman bagi memiliki sebuah rumah sendiri. Ini berbeza daripada program rumah kos rendah. Sekurang-kurangnya mereka ini boleh mempunyai ataupun memiliki sebuah rumah sendiri sebagai rumah asas. Skim Program Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah terbahagi kepada 4 kumpulan sasaran seperti berikut:

Skim (a) Pekerja-pekerja yang tinggal dan mempunyai tanah

di persekitaran sesuatu estet, perindustrian dan penduduk-penduduk luar bandar.

- Skim (b) Penduduk-penduduk kampung baru yang ada tanah.
- Skim (c) Pekerja-pekerja estet dan lombong yang ada tanah berdekatan dengan tempat pekerjaan mereka.
- Skim (d) Setinggalan-setinggalan yang terlibat dalam kawasan-kawasan di mana projek-projek Kerajaan akan dijalankan dan mereka diberi tapak perumahan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan permulaan sebanyak \$10 juta telahpun habis dibelanjakan sepenuhnya pada 4hb Mei, 1982. Peruntukan tambahan \$10 juta telahpun dikeluarkan oleh Perbendaharaan pada 27hb Januari, 1983 dan tambahan kedua sebanyak \$10 juta lagi telah diperuntukkan oleh Kerajaan pada bulan Mei, 1988, menjadikan jumlah keseluruhan Tabung Pusingan itu sebanyak \$30 juta. Sehingga akhir tahun 1988 sebanyak 3,179 permohonan telahpun diluluskan yang melibatkan tanggungan peruntukan sejumlah \$22,080,155.00. Dari jumlah peminjam tersebut seramai 364 adalah mereka yang diluluskan di bawah Skim (c) iaitu pekerja-pekerja estet, ladang dan lombong. Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah ini mendapat sambutan yang agak meluas di semua negeri dalam Semenanjung berikutan pengumuman serta kerjasama daripada pihak berkuasa di negeri-negeri mengenai skim ini. Walau bagaimanapun, banyak permohonan terpaksa ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan, terutama dari segi pemilikan tanah untuk tapak dan cagar. Masalah pemilikan tanah untuk tapak dan cagar juga menyebabkan permohonan

secara berkelompok daripada majikan ladang dan estet untuk para pekerja tidak dapat dipertimbangkan.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tidak menjejaskan peluang majoriti rakyat berpendapatan rendah untuk menikmati kemudahan di bawah skim ini dan seterusnya menyumbang ke arah meninggikan taraf hidup golongan tersebut di samping menghasilkan penambahan rumah-rumah yang lebih tersusun melalui punca-punca pinjaman daripada Kerajaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telahpun membangkitkan tentang taman-taman rekreasi yang dibina dalam penyeliaan Majlis-majlis Daerah dicemari oleh unsur-unsur yang tidak sihat seperti perjudian dan kedai-kedai minuman keras. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengingatkan Majlis-majlis berkenaan supaya memastikan bahawa apabila lesen premis dikeluarkan untuk sesuatu tujuan perniagaan di kawasan-kawasan rekreasi, semestinya ia tidak disalahgunakan untuk tujuan lain. Jika terdapat mana-mana premis menjalankan perjudian secara haram atau dijadikan kedai minuman keras tanpa lesen, Majlis berkenaan boleh menarik balik lesen ke atas premis tersebut. Cadangan Yang Berhormat agar taman-taman rekreasi tidak dicemari dengan unsur-unsur perjudian dan lain-lain, Kementerian ini akan sentiasa menghubungi Kerajaan-kerajaan negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan untuk menghindarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih bagi pihak Kementerian tersebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun

memberi teguran dan pandangan berkaitan dengan tugas-tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin memberi jaminan bagi pihak Kementerian tersebut bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khasnya dan Kerajaan amnya akan mengambil perhatian terhadap semua cadangan dan teguran yang telahpun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga percaya teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat membantu mempertingkatkan lagi prestasi Kementerian dalam memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Timbalan Menteri Kesihatan.

**5.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran di dalam perbahasan ke atau Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan hujjah-hujjah berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat Tuan G. Rajoo membuat teguran bahawa Kerajaan masih tidak dapat mengutip caj-caj hospital dari segolongan besar rakyat jelata dan mencadangkan supaya Kerajaan mengeluarkan satu garis panduan yang lengkap tentang surat-surat pengesahan mengenai pengecualian caj hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang berusaha seboleh-bolehnya mengutip balik tunggakan bayaran hospital dari bekas-bekas pesakit melalui beberapa tindakan:

- (1) Memperingatkan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi-agensi

Kerajaan membuat potongan gaji kakitangan mereka yang terlibat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Anu

- (2) Membuat tuntutan terus kepada bank-bank bagi syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan yang menggunakan kemudahan jaminan bank untuk pekerja-pekerja mereka yang terpaksa dimasukkan ke hospital.
- (3) Mengulangi surat-surat peringatan kepada pesakit dan sebagai langkah terakhir menghantar notis guaman tuntutan sivil di Mahkamah.
- (4) Menimbang memberikan pengecualian kepada pesakit-pesakit yang membuktikan tiada kemampuan membayar.
- (5) Memperkemaskan dan memperbaiki lagi sistem bil dan sistem kutipan hasil seperti:-
  - (i) mengarahkan kakitangan hospital pergi ke wad-wad untuk membuat kutipan berperingkat;
  - (ii) mengadakan kakitangan supaya kutipan bayaran boleh, dibuat dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang di mana didapati sesuai dan perlu;
  - (iii) melaksanakan kemudahan bayaran melalui kad kredit; dan
  - (iv) meningkatkan alat-alat untuk mempercepatkan pengeluaran bil dan resit.

Ketua-ketua Hospital atau wakil mereka sahaja yang boleh memberikan pengecualian pembayaran kepada pesakit-pesakit yang tidak

mampu membayar setelah menerima permohonan pengecualian daripada pesakit sendiri. Keupayaan membayar seorang pesakit itu ditentukan melalui temubual dalam perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) jumlah pendapatan;
- (ii) bilangan tanggungan; dan
- (iii) surat sokongan dan sebagainya dari pihak yang boleh diterima, jika ada;

Surat pengesahan hanyalah satu daripada alat sokongan yang boleh digunakan oleh Ketua Hospital dalam mempertimbangkan pengecualian. Ketua Hospital atau wakilnya yang diberi kuasa untuk mempertimbangkan permohonan itu adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesahihan keadaan kemiskinan pesakit itu. Adalah terpujang kepada budi bicara Ketua Hospital atau wakilnya setakat mana surat sokongan itu dapat membantu mereka dalam memberi pertimbangan kepada permohonan pengecualian itu.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan Kerajaan mengkaji kemungkinan memperkenalkan insurans kesihatan negara seperti yang diamalkan oleh beberapa negara yang maju. Sebenarnya kajian kemungkinan terhadap penubuhan satu skim pembiayaan kesihatan yang bernama Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (TKKN) adalah sedang dikaji dan diselenggarakan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini kajian ini adalah dalam peringkat Fasa II. Kajian ini dijangka akan siap pada bulan Jun, 1989. Selepas itu perakuan akan dibuat kepada Jemaah menteri sama ada pembiayaan kesihatan yang dicadangkan itu boleh dilaksanakan atau tidak.

Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron meminta supaya usaha-usaha diambil untuk memastikan pegawai-pegawai perubatan bersalin terdiri daripada kaum wanita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam memilih doktor-doktor untuk dilatih menjadi pakar perbidanan dan sakitpuan, Kementerian Kesihatan menekankan tentang kelayakan dan kebolehan seseorang doktor itu dan tidak mengira jantina masing-masing. Walau bagaimanapun, jika ada keadaan di mana seorang doktor lelaki dan perempuan mempunyai kelayakan dan kebolehan yang sama, maka Kementerian akan memberi pertimbangan yang utama kepada doktor wanita.

Berkenaan dengan teguran daripada Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana memberi cadangan yang membina lagi positif untuk memperbaiki perkhidmatan radiotherapi di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Seperti yang ,telah saya, sendiri sebutkan kepada Jawapan Mulut di atas soalan-Ahli Yang Berhormat sendiri pada 27hb Mac yang lalu, tindakan telahpun dimulakan ke arah ini. Misalnya, dari segi peralatan seperti yang telah saya sebutkan bahawa 2 buah lagi alat radiotherapi Linear Accelerator yang berharga \$1.6 juta sebuah iaitu jumlahnya \$3.2 juta, telah dibeli dan akan digunakan dalam bulan Jun tahun ini juga, tidak lama lagi. Selain dari itu usaha-usaha sedang dipertingkatkan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Jabatan-jabatan di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Akhir sekali bagi menjawab teguran daripada Ahli Yang Berhormat Tuari Lau Keng Siong mengenai cadangan memberi kemudahan suntikan mencegah penyakit Hepatitis B kepada mereka yang tidak mampu, saya ingin memaklumkan bahawa Program Immunisasi Hepatitis B yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah bertujuan untuk mengusahakan perlindungan kepada seluruh masyarakat Malaysia dalam jangka masa panjang yang akan mengawal perebakan penyakit ini dan juga mengurangkan kejadian pembawa kronik (*chronic carrier*). Untuk mencapai objektif ini, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti dan memberi keutamaan kepada tiga kumpulan yang berisiko tinggi dan sangat mudah dijangkiti oleh virus Hepatitis B. Kumpulan sasaran ini ialah semua bayi yang baru lahir, kakitangan perubatan yang sentiasa terdedah kepada pesakit atau pembawa dan penagih-penagih dadah yang menggunakan suntikan. Strategi ini adalah selari dengan syor-syor yang dibuat oleh Badan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri.

Dalam program yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada masa **ini**, immunisasi diberi secara percuma kepada mereka yang tergolong dalam kumpulan sasaran dengan tidak mengira taraf ekonomi mereka.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan kepada hujah-hujah yang dibuat. Yang tidak dapat saya menyebutkan, saya suka memberitahu bahawa Kementerian memang mengambil ingatan dan saya ucap terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Timbalan Menteri Buruh.

**6.03 ptg.****Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah membangkitkan masalah kemudahan asas di ladang-ladang seperti perumahan, bekalan air, elektrik dan jalan. Beliau juga mencadangkan supaya Kerajaan menggubal undang-undang untuk menyelaraskan perumahan di semua ladang di seluruh negara dengan menentukan spesifikasi yang standard bagi semua perumahan di ladang-ladang. Saya ingin menjelaskan bahawa usaha untuk menyedia dan meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang merupakan tanggungjawab bersama tuan empunya ladang dan agensi-agensi Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan. Prosesnya mengambil masa yang panjang di samping melibatkan kos yang tinggi bagi kedua-dua pihak majikan dan Kerajaan memandangkan sebahagian besar ladang-ladang terletak jauh daripada kawasan yang telah membangun

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan berusaha sedaya-upaya untuk menyediakan kemudahan asas di ladang-ladang secara berperingkat-peringkat selaras dengan kemampuan tuan empunya ladang dan perkembangan ekonomi negara untuk memajukan sektor perladangan.

Sehubungan dengan ini, tuan empunya ladang seharusnya bersikap lebih positif khususnya ke arah membangunkan infrastruktur dan kemudahan asas di ladang-ladang mereka seperti, memperbaiki keadaan jalan, bekalan kuasa elektrik dan air yang bersih dari punca sendiri jika bekalan dari punca Kerajaan belum ada.

Di atas kesedaran bahawa kemudahan asas di ladang-ladang perlu dipertingkatkan, langkah-langkah berikut sedang diambil oleh Kerajaan:

- (1) Jabatan Buruh telah menjalankan satu tinjauan mulai Februari 1989 mengenai rumah-rumah pekerja dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh majikan ladang-ladang getah. Tinjauan ini melibatkan pengumpulan maklumat dan data mengenai suasana kemudahan-kemudahan asas yang disediakan untuk semua jenis rumah pekerja di ladang-ladang seperti tandas, bekalan air, bekalan elektrik, dispensari, tempat menjaga kanak-kanak dan TADIKA, kemudahan-kemudahan rekreasi sukan, tempat beribadat dan sebagainya. Tinjauan juga dibuat mengenai rancangan pemilikan rumah pekerja. Maklumat dan data yang dikumpulkan itu akan dikaji dan dianalisa untuk mendapatkan gambaran yang sebenarnya dan menentukan faktor-faktor yang menyebabkan pekerja-pekerja tempatan enggan bekerja di ladang-ladang atau sebaliknya. Tujuan ini ialah untuk menentukan langkah-langkah yang sepatutnya diambil bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang.
- (2) Akta Piawaian Minima (Perumahan) Pekerja, 1966 dan peraturan-peraturannya juga sedang dikaji dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan perumahan pekerja ladang.
- (3) Satu Jawatankuasa Kebangsaan bagi memudahkan pelaksanaan Skim Pemilikan Rumah Pekerja akan ditubuhkan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang perlu dengan pihak-pihak terlibat khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri.
- (4) Setahu Kementerian Buruh semua ladang-ladang mempunyai bekalan elektrik sama ada dari punca LLN atau janakuasa sendiri. Jika pihak ladang memerlukan bekalan dari punca

LLN, pihak LLN bersedia menyumbangkati bekalan tersebut dengan syarat; pihak ladang sanggup membiayai sebahagian dari kos pembangunannya.

- (5) Mengenai bekalan air pula, Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya sedang melaksanakan rancangan khas Bekalan Air Luar Bandar yang juga akan dapat membekalkan air kepada ladang-ladang tertentu. Di bawah rancangan khas tersebut, sebanyak 267 buah estet di seluruh negara telah dikenalpasti boleh dibekalkan air oleh pihak JKR jika pihak majikan ladang-ladang tersebut sanggup menyumbang saluran paip daripada ladang-ladangnya kepada saluran paip JKR.
- (6) Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang merancang untuk merumuskan satu tatacara kaedah yang baru dalam perancangan dan pelaksanaan telefon awam luar bandar supaya ianya dapat betul-betul memenuhi keperluan rakyat dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee pula, telah menegur bahawa Undang-undang Buruh diluluskan tanpa dibawa berunding terlebih dahulu dan ini menimbulkan rasa tidak puashati pihak-pihak yang terlibat dengan Undang-undang tersebut.

Saya ingin menegaskan bahawa semua pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh iaitu Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang dibuat pada tahun 1988 serta cadangan pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang dibentangkan dalam sesi Parlimen ini telah terlebih dahulu dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan Jawatankuasa Tekniknya sejak tahun 1986. Untuk makluman Yang Berhormat keanggotaan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan adalah terdiri daripada tiga pihak iaitu Kerajaan, pekerja dan majikan. Oleh hal yang demikian kenyataan Yang Berhormat bahawa Undang-undang Buruh diluluskan tanpa dibawa berunding terlebih dahulu dengan pihak-pihak terlibat adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya jemput Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

**6.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan/teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan atas Titah DiRaja, yang menyentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron bahawa Kementerian Belia dan Sukan lebih menumpukan perhatian kepada kumpulan belia-belia yang tidak bermasalah, ini adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah diberi keutamaan kepada belia-belia yang bermasalah seperti belia-belia yang menganggur dan yang menghadapi masalah keruntuhan akhlak.

Tumpuan diberikan kepada belia-belia dalam lingkungan umur 18 hingga 30 tahun. Bidang-bidang yang diberi penekanan ialah ke arah pembinaan keperibadian insan, menyediakan latihan kemahiran vokasional, program rekreasi dan program pembangunah keusahawanan serta pertanian.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin berkaitan dengan masalah belia-belia yang sering berkeliaran di pusat-pusat membeli belah, Kementerian Belia dan Sukan memang mengambil perhatian mengenai masalah ini dan beberapa langkah telah diambil bagi memastikan agar gejala yang kurang sihat tidak menjangkiti golongan belia. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:-

- (i) Mewujudkan pusat penerangan belia bagi tujuan untuk menyampaikan maklumat-maklumat aktiviti-aktiviti kepada para belia.
- (ii) Menggerakkan dan mewujudkan pertubuhan-pertubuhan belia di kawasan bandar.
- (iii) Melaksanakan aktiviti-aktiviti rekreasi, seperti pengembaraan, kem musim cuti dan bersukan. Di samping itu juga program latihan kemahiran dan perniagaan disediakan untuk golongan ini bagi menjamin masa hadapan mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin kepada Kementerian ini berkenaan dengan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Sepang. Mengenai kemajuan projek Pusat Latihan tersebut setakat ini 63% kerja-kerja binaan telah siap dan dijangka pusat ini akan siap pada bulan Februari, 1990. Pengambilan tenaga pengajar telah diiklankan dalam akhbar dan urusan temuduga dijangka akan dijalankan pada bulan Jun, 1989. Pusat ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan Jun, 1990.

Pembinaan Pusat Latihan Belia, Jitra akan bermula pada bulan Mei 1989 dan dijangka akan siap pada bulan Februari, 1990. Jenis latihan yang akan dijalankan di pusat ini tidak sama dengan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi, Sepang tetapi ia akan menumpukan kepada kursus mekanik, motorsikal, enjin sangkut, ukiran kayu, anyaman mengkuang dan kraf buluh dan rotan. Kerajaan Negeri Kedah memang memberi kerjasama terhadap pembinaan pusat ini dengan menyediakan tanah seluas 35 ekar.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih, Kementerian Belia dan Sukan memanglah menggalakkan penubuhan persatuan belia. Bagi memastikan pengurusan persatuan belia ini berkesan, Kementerian ini telah mengambil langkah untuk mengemaskinikan pengurusan dan peranan yang akan dimainkan oleh setiap pertubuhan belia. Atas kesedaran Kementerian terhadap kepentingan pembangunan belia, Kerajaan telah meluluskan Dasar Belia Negara pada tahun 1985. Dalam dasar ini telah jelas bahawa belia ditakrifkan sebagai golongan yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Ini bermakna kepimpinan dan keahlian belia di dalam

sesebuah pertubuhan belia hendaklah mengikut Dasar Belia Negara yang telah dipersetujui oleh semua pertubuhan belia.

Berhubung dengan saranan-saranan Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby mengenai pengurusan persatuan belia, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil perhatian dan mempertingkatkan lagi kekesanannya pengurusan persatuan-persatuan belia di semua peringkat. Apa yang kita harapkan persatuan belia ini akan menjadi satu platform untuk menyatu padukan masyarakat belia yang lebih progresif untuk penglibatan dalam pembangunan negara.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji, Jaafar bin Haron berkenaan tindakan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan pasukan negara yang menyertai Sukan SEA ke 15 dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang, sukacita saya menerangkan secara ringkas bahawa pihak Kementerian bersama Majlis Sukan Negara telah mengambil beberapa langkah positif seperti berikut:-

- (i) Program latihan persediaan ke arah Sukan SEA yang bertujuan menyediakan satu pasukan yang berwibawa. Program latihan dua tahun ini meliputi aktiviti-aktiviti latihan pusat, pertandingan luar negeri, pendedahan kepada atlet-atlet, elaun jurulatih serta peralatan dan kemudahan. 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan dirangkumi di bawah program latihan ini.
- (ii) Mewujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan untuk atlet-atlet, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan.
- (iii) Mengadakan Kem Latihan Nasional selama satu bulan menjelang Sukan SEA.
- (iv) Menyediakan seorang pakar dalam bidang psikologi dari

Kanada untuk mengadakan beberapa klinik mental kepada atlit-atlit dan jurulatih-jurulatih yang, dikenalpasti.

Menyentuh tentang kelemahan publisiti Sukan SEA ke 15, mungkin kenyataan ini tidak begitu tepat kerana agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam tugas publisiti ini ialah Kementerian Penerangan sendiri di mana saban hari mulai daripada akhir tahun 1988, perkara-perkara seranta atas Sukan SEA ini disiarkan oleh pihak RTM khasnya melalui Laporan Sukan dalam Berita Perdana. Bagi pihak media cetak pula, pihak mereka sentiasa menghebahkan perkara-perkara 'controversial' dan 'sensational' di samping memberi makluman umum kepada masyarakat ramai.

Mulai bulan April 1989, publisiti akan diperhebatkan lagi dan banyak bahan-bahan publisiti akan ditonjolkan seperti poster-poster, bill-board, khasnya ditempat-tempat kemasukan pelancong-pelancong dari luar negeri. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah dipertanggungjawabkan untuk menghias Bandaraya Kuala Lumpur bagi menghadapi Sukan SEA ke 15 telahpun memasang bahan-bahan publisiti seperti lampu—lampu perhiasan dengan logo dan mascot JOHAN di jalan-raya-jalanraya utama.

Bahan-bahan publisiti juga telah dibekalkan kepada semua negeri di Malaysia supaya mereka juga dapat membantu dalam usaha memperkenalkan Sukan SEA di peringkat negeri dan daerah.

Beberapa penaja utama juga telah mengadakan promosi mereka masing-masing dan perkara-perkara ini juga boleh dibaca ataupun dilihat di dalam akhbar-akhbar harian.

Bagi jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin mengenai Gimnasium Rakyat, adalah menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan, bagi permulaannya untuk mewujudkan satu Gimnasium Rakyat di setiap negeri di Malaysia. Hingga kini empat buah negeri telahpun mempunyai Gimnasium Rakyat mereka iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan Darul Naim, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Negeri Johor Darul Takzim dan Negeri-negeri yang lain. Penubuhannya adalah dalam pelaksanaan dan akan siap dalam tahun ini juga.

Gimnasium Rakyat berkonsepkan pusat kegiatan kecergasan fizikal khas kepada masyarakat yang berpendapatan rendah termasuk belia-belie yang menganggur dan belia-belie yang berkeliaran di pusat-pusat membeli-belah di ibukota negeri-negeri. Justeru itu adalah didapati sambutan ke atas Gimnasium Rakyat ini amatlah menggalakkan lebih-

lebih lagi di Kuala Lumpur. Keahliannya setakat ini ialah 500 orang dan Kementerian ini difahamkan bahawa keahliannya telahpun ditutup kerana tidak lagi dapat menampung kegiatan di tempat tersebut.

Berhubung dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama pemimpin-pemimpin Pertubuhan Belia di semua peringkat memang sentiasa menjalankan kempen untuk meramaikan penyertaan belia dalam pertubuhan. Segala aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian adalah berasaskan kepada masalah dan keperluan mengikut kumpulan sasaran belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Di samping itu juga, Kementerian telah mengaturkan strategi untuk memulihkan kembali pertubuhan-pertubuhan belia yang kurang aktif dan yang telah dibubarkan pendaftarannya dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia berkenaan. Bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dalam pertubuhan belia yang silih berganti, Kementerian memang sedar dan masih lagi melaksanakan kursus penerangan dan kepimpinan peringkat asas, pertengahan dan lanjutan bagi menjamin kekesan pentadbiran pertubuhan belia di semua peringkat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pada akhirnya saya jemput Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Penerangan untuk menjawab.

**6.25 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya dapat menjawab secara am tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan yang disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Pada masa ini Kementerian Penerangan sedang menjalankan beberapa langkah pembaharuan khususnya berkaitan dengan penyiaran. Pembaharuan-pembaharuan yang belaku iaitu seperti jenis rancangan dan jadual siaran TV adalah sebenarnya pendekatan baru ke arah penyiaran yang lebih berkesan dalam membantu pembangunan negara. Sejalan dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf, saya ganggu sekejap, satu usul akan dibawa oleh Timbalan Menteri.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN TANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyarat 11, Persidangan Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh telah dipersetujukan dan diluluskan.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul diatas nama Timbalan Menteri Kewangan bagi disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Persidangan Dewan Negara ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh telah dipersetujukan dan diluluskan.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sambung semula.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seajar dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti, RTM melaksanakan langkah-langkah ke arah pencapaian matlamat ini dengan mengurangkan rancangan-rancangan yang diterbitkannya sendiri.

Kebelakangan ini RTM telahpun menswastakan sebahagian rancangan seperti drama, hiburan dan beberapa jenis rancangan lain yang sedang dirancang untuk diterbitkan oleh pihak swasta. Akhirnya nanti RTM hanyalah menerbitkan rancangan-rancangan yang penting dan mustahak untuk pembangunan negara iaitu seperti Berita dan Ehwat Semasa, Dokumentari, Drama Khas dan Rancangan Pembangunan dan Agama sahaja. Rancangan-rancangan yang lain akan dibeli dari pihak swasta sama ada dalam negeri ataupun luar negeri.

Cara ini bukan sahaja akan dapat mengurangkan perbelanjaan tetapi juga memberi peluang kepada para penuntutn untuk mengubah selera yang dihidangkan oleh pelbagai pengeluar atau production house yang mutu penerbitannya telah semakin bertambah baik. Di samping itu, langkah ini juga akan membantu perkembangan industri TV di negara ini. Lebih banyak pekerjaan akan dapat diwujudkan dan akhirnya nanti apabila mutu penerbitan telah mencapai tahap yang tinggi rancangan-rancangan terbitan Malaysia sama ada dalam bentuk drama, hiburan atau dokumentari akan dapat diedarkan ke luar negara iaitu sebagaimana yang dapat dilihat sekarang, RTM menyiarkan cerita-cerita dari Jepun dan Filipina dan beberapa negara lain yang bukan berbahasa Inggeris.

Atas dasar dan asas inilah TV Malaysia sekarang ini mengurangkan penerbitannya dan bukan sahaja tidak menerbitkan drama Tamil sebaliknya drama Bahasa Malaysia ataupun Cina juga akan dikurangkan atas sebab-sebab 'cost effectiveness' yang saya sebutkan tadi. Sebaliknya seberapa boleh RTM akan membeli rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan Inggerise yang diterbitkan oleh Production Houses di dalam dan di luar negeri.

Dengan langkah-langkah penjimatan yang sedang dilaksanakan sekarang RTM juga terus berikhtiar untuk meningkatkan kualiti teknikalnya dengan menggunakan peralatan yang lebih moden dan sofistikated. Pada masa ini RTM sedang melaksanakan peringkat pertama ke arah siaran terus melalui satelit atau Direct Broadcast Satellite (DBS). Apabila sistem ini dilaksanakan pemancaran RTM lakan, menggunakan satelit sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan pemancar, mikro seperti yang ada sekarang ini. Siaran dari Angkasapuri dibuat melalui KOMSAR (Kompleks Satelit RTM) yang memancarkan signal ke satelit PALAPA dan signal itu dipetik oleh stesen satelit bumi yang dikenal sebagai TVRO (TV Receiver Only) dan kemudiannya dipancarkan terus kepada penonton di kawasan sekelilingnya. Kesemua sebanyak 41 TVRO akan dipasang dan sistem DBS ini akan dapat meningkatkan kualiti penyiaran siaran radio dan televisyen. Di samping itu kos penyelenggaraannya juga akan berkurangan. Sistem ini membolehkan siaran TV dan radio meliputi hampir 95% berbanding hanya kira-kira 70% pada masa sekarang, di samping kadar gangguan atau kerosakan juga dapat dikurangkan.

Dengan lain-lain kata, pendekatan perancangan dan pelaksanaan RTM pada masa ini sama ada dari segi keperluan teknikal atau keperluan rancangan adalah ke arah siaran TV dan Radio yang lebih

baik dan berkesan lagi supaya sumbangannya ke arah perpaduan rakyat dan pembanguhan negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati atas minat dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin berkaitan dengan rancangan-rancangan RTM. Dalam hubungan ini, saya ingin menjawab komen dan pandangan beliau mengenai rancangan-rancangan hiburan. Rancangan-rancangan ini bukan bertujuan mengembangkan budaya Barat yang tidak sesuai dengan budaya negara ini.

Sebaliknya RTM menyiarkan rancangan seumpama ini dengan muslihat dan tujuan yang baik. RTM adalah bertanggungjawab di antara lain untuk mengembangkan Budaya Nasional. Kita harus sedar ramai bilangan rakyat kita terdiri dari golongan muda-mudi yang naluri dan perasaan kemudaannya sering terdedah dan dengan mudah terpengaruh kepada unsur-unsur budaya lain yang memang dengan mudah dapat memukau bukan sahaja muda-mudi di negara kita tetapi juga di negara-negara lain juga. Oleh itu secara halus dan secara tidak langsung RTM cuba menyalurkan naluri muda-mudi ini melalui rancangan kesukaan mereka tetapi dengan penuh bimbingan dan hikmat.

Perlu juga diingatkan melalui berbagai rancangan di radio dan televisyen, RTM juga menyiarkan bahan-bahan yang berfaedah baik dalam bentuk rancangan agama mahu pun dokumentari. Tetapi secara umumnya muda-mudi lebih tertarik kepada rancangan berbentuk hiburan. Itulah sebabnya bagi rancangan-rancangan muzik pop diberi panduan-panduan dan bimbingan tertentu baik dari segi pakaian, rambut, gerak laku dan gaya yang dapat menimbulkan rasa disiplin sambil menikmati lagu-lagu kesukaan mereka. Kita juga tidak

benarkan misalnya pakaian yang menjolok mata, lelaki-lelaki yang berambut panjang atau memakai subang ataupun gerak laku dan kata-kata yang menjolok.

Sejauh ini, semua kumpulan yang mengambil bahagian dalam rancangan pop ini telahpun mengikuti segala peraturan yang disediakan dan adalah diharapkan cara pakaian yang kemas serta tingkah laku yang baik walaupun dalam penyampaian muzik pop akan dapat membendung pengaruh yang liar dari Barat.

Pada akhir tahun ini RTM akan mengadakan pertandingan kumpulan-kumpulan muzik yang membawakan unsur-unsur baru dalam ciri muzik negara bukan sahaja dari segi gubahan dan lagu tetapi juga mengambil kira dari segi pakaian, tutur kata dan gerak laku yang lebih sesuai supaya pertandingan seumpama ini akan dapat menimbulkan identiti muzik Malaysia khususnya bagi kesukaan muda-mudi. Secara tidak langsung dan secara beransur-ansur akan lahir nilai-nilai yang dapat diterima oleh golongan muda-mudi dengan bimbingan yang sewajarnya. Dengan demikian, di samping rancangan-rancangan lain yang secara asasnya disiarkan bagi membentuk keperibadian bangsa dan pembangunan negara, melalui rancangan-rancangan seumpama ini anak-anak muda kita tidaklah diketepikan langsung dalam mencari cita-cita nasional.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, RTM juga menyiarkan lagu-lagu patriotik berbentuk moden dan pop dalam usaha memupuk semangat cintakan bangsa dan tanahair. Di samping itu rancangan-rancangan tradisional terus disiarkan bagi menimbulkan imbalan yang dapat saling bantu membantu ke arah rancangan-rancangan budaya yang mencerminkan arus dan pembinaan budaya negara.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Penyiaran telahpun dikuatkuasakan pada tahun lalu tetapi masih ada beberapa masalah pelaksanaan yang belum selesai. Kementerian Penerangan akan melaksanakan sepenuhnya undang-undang ini pada bulan Jun tahun ini. Adalah diharapkan semua kehendak dan keperluan Akta Penyiaran terutamanya mengenai kandungan rancangan yang disiarkan oleh badan-badan penyiaran sama ada penyiaran Kerajaan ataupun swasta akan dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Sebuah Jawatankuasa Etika Penyiaran telahpun dibentuk dan panduan-panduan yang berkaitan dengan siaran rancangan-rancangan tempatan ataupun yang diimport termasuklah siaran iklan akan ditentukan untuk pelaksanaan sepenuhnya bagi menentukan semua bahan yang disiarkan tidak bertentangan dengan nilai-nilai kita bersama.

Sebuah Panel Iklan telah juga ditubuhkan bagi memberi panduan-panduan yang mesti diikuti bagi menentukan supaya iklan-iklan mencerminkan masyarakat negara dan menghormati nilai bersama. Dengan adanya panduan-panduan melalui Jawatankuasa Etika Penyiaran dan Panel Iklan ini semua rancangan yang disiarkan melalui televisyen kenalah mematuhi peraturan-peraturan yang disediakan selaras dengan semangat undang-undang penyiaran yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan industri perfileman, FINAS sentiasa mengambil langkah-langkah ke arah memajukan industri perfileman supaya ianya menjadi sumber kewangan kepada negara. PINAS memang memainkan peranan yang amat penting dalam menjaya dan memajukan kepentingan pengusaha-pengusaha filem tempatan. Ia bertanggungjawab bagi memastikan bahawa pengusaha-pengusaha filem tempatan diberikan galakan-galakan dan bantuan-bantuan yang perlu untuk memajukan industri perfileman, mengambil tindakan terhadap

segala percubaan-percubaan untuk mengelak dari pembayaran cukai, memungut hasil-hasil cukai yang sewajarnya dan lain-lain. Masalah besar yang dihadapi ialah bahawa mutu filem-filem tempatan masih belum mencapai tahap yang boleh membuatnya setanding dengan filem-filem dari luar negeri. Kerana itulah penghasilan dari filem-filem tempatan belum lagi tinggi. Kementerian Penerangan dan FINAS sedang berusaha untuk menghadapi masalah ini.

Mengenai rancangan-rancangan majalah yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator A.K. Sivalingam, RTM tidak lama lagi akan menyiarkan satu program majalah yang bertajuk "Dimensi" sebagai pengganti bagi program-program majalah seperti Tumpuan Minggu, Skop, Lembaran Minggu Ini dan Fokus. Mengenai perkara-perkara lain yang disentuh, Kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya siaran rancangan-rancangan tersebut bersesuaian dengan minat para penonton.

Mengenai lesen radio yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid Abdullah, Kementerian ini memang sedang mengambil tindakan untuk menghapuskan keperluan lesen radio sama sekali.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih atas komen dan pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan atas perkara-perkara yang tidak dapat dijawab di Dewan yang mulia ini, Kementerian akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, segala perbahasan mengenai masalah ini telah selesai dan sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa suatu Usul atas nama Yang Berhormat Pandikar Amin Haji Mulia iaitu:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh."

disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh."

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang hari esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.**

